"Saya ambil sendiri bekalan ayam hidup dari banyak tempat termasuk Negeri Sembilan dan Johor sebelum diproses di kilang saya di Sungai Putat. Namun bekalan memang kurang hari ini (semalam)," katanya ditemui di pasar itu semalam.

"Masalah seperti ini tidak pernah berlaku sebelum ini dan saya jangka akan berlarutan hingga awal Jun ini.

Mengulas lanjut, Ghazali berkata, peniaga akur harga siling ayam standard RM8.90 sekilogram, namun terpaksa mengenakan caj potong bagi mendapat sedikit keuntungan.

"Harga daripada pembekal antara RM7.60 hingga RM7.50 sekilogram bagi ayam hidup.

"Saya proses sendiri dengan kos RM1.80, jadi harga modal saja RM9.30 hingga RM9.40, takkan nak jual RM8.90," katanya.

Seorang lagi peniaga, Bahtiar Omar, 39, turut mengakui perkara sama dan berharap pihak berwajib campur tangan bagi mengelak ia berpanjangan hingga menyusahkan pengguna.

"Hari ini (semalam) saya tempah 400 tapi dapat 200 ekor saja, esok tak tahu dapat atau tidak bekalan ayam.

"Permintaan memang ada, tapi tiada bekalan tiada dan saya bimbang keadaan ini berlarutan, bukan saja peniaga rugi, malah pengguna akan susah kerana ayam ini antara makanan utama rakyat Malaysia," katanya.

# Dalang kenaikan harga ayam berdepan hukuman tegas

*Dari Muka 1*

"Kita menjangkakan siasatan mampu diselesaikan secepat mungkin dalam suku ketiga tahun ini.

"Pihak yang disiasat pula membabitkan salah satu komponen utama industri yang boleh mempengaruhi harga serta bekalan," katanya kepada *BH*.

Sebelum ini, laporan mengaitkan dakwaan wujud kartel dalam industri ayam dan telur sehingga MyCC bertindak menubuhkan pasukan khas bagi melaksanakan siasatan menyeluruh berhubung isu persaingan dalam industri itu pada awal Februari.

Ia susulan arahan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, Januari lalu supaya MyCC menyiasat kemungkinan wujudnya kartel membabitkan isu harga ayam dan telur ayam seperti diputuskan dalam Majlis Tindakan Kebangsaan Mengenai Kos Sara Hidup (NACCOL).

Keputusan itu adalah satu daripada sembilan keputusan diambil NACCOL dalam usaha mengawal kenaikan harga barangan di pasaran yang menimbulkan keresahan orang ramai, terutama ketika penularan pandemik COVID-19.

Mengulas lanjut status siasatan, Iskandar memaklumkan, daripada maklumat yang diterima ia boleh dipercayai dalam usaha mencari dalang di sebalik isu kenaikan harga dan bekalan ayam serta telur.

"Maklumat yang kami terima sebelum ini boleh dipercayai dan kami akan pastikan dalang kepada isu harga dan bekalan dikenakan tindakan tegas.

"Jika pengeluaran tidak dilakukan dengan cekap atau bekalan ayam kurang berbanding permintaan yang sentiasa tinggi disebabkan ia sumber protein utama negara, harga bahan mentah ini boleh naik.

"Justeru, kami sedang bertungkus-lumus menyelesaikan penyiasatan secepat mungkin dan ada juga yang tampil untuk bekerjasama dengan kami," katanya.

Ditanya sama ada 'kartel ayam' sememangnya wujud sehingga mempengaruhi bekalan dan harga ternakan itu di pasaran, Iskandar bagaimanapun berkata, perkara itu belum dapat dibuktikan lagi.

"Selama ini dakwaan kartel dalam industri ayam tidak jelas. Cuma, baru-baru ini kita dapat maklumat berhubung elemen berkaitan yang belum dapat dibuktikan lagi.

"Bersama bukti ini sebab itulah kami melakukan penyiasatan," katanya.

Beliau berkata, syarikat yang terbabit dalam siasatan setakat ini juga memberikan kerjasama yang baik.Katanya, jika terbukti pihak terbabit melanggar akta, ia dapat mengesahkan bahawa turun naik harga ayam di pasaran yang berlaku bukanlah disebabkan oleh kegagalan dasar kerajaan.

"Sepatutnya industri ayam kita cekap kerana negara kita mempunyai beberapa pemain besar yang kukuh dan aktif dalam pengeluaran ayam," katanya.

Mengikut Seksyen 4 Akta Persaingan 2010, mereka yang didapati bersalah boleh didenda maksimum sehingga 10 peratus daripada perolehan syarikat.

Iskandar turut menambah, industri ayam di Malaysia mempunyai pemain bersepadu yang mengawal rantaian bekalan di peringkat huluan membabitkan makanan ayam dan anak ayam sehingga peringkat pertengahan serta hiliran, termasuk proses penyembelihan, pembungkusan pemborongan serta pemasaran dan penjualan pada peringkat runcit di pasar harian, pasaraya dan kedai runcit.

Katanya, mengikut penyelidikan MyCC, terdapat sekumpulan syarikat-syarikat besar yang mengawal kira-kira 80 peratus industri ayam yang mempunyai peranan dalam ketiga-tiga peringkat.

"Namun, ia tidak salah kita gelar sebagai pemain bersepadu (integrator), namun ia menjadi kesalahan jika ada bersekongkol menetapkan harga untuk mana-mana produk," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/5/2022 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 3 |

Mansuh AP makanan

# Langkah kerajaan perlu diperinci

## Elak inisiatif dilaksana beri kesan industri makanan diusaha rakyat tempatan

Oleh Mohd Zaky Zainudin
zaky@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Pemansuhan Permit Kelulusan atau *Approved Permit* (AP) barang makanan yang diumumkan kerajaan kelmarin, memerlukan kajian terperinci dalam aspek keperluan dan jenis barangan yang terbabit, sebelum sebarang keputusan muktamad dibuat.

Bekas Menteri Kewangan II, Datuk Seri Johari Abdul Ghani, menjelaskan analisis terperinci itu penting kerana ada daripadanya yang diusahakan rakyat tempatan, khususnya yang terbabit dalam sektor pertanian dan penternakan, dan dengan langkah pemansuhan berkenaan, ia pasti akan menjejaskan perniagaan dan sumber pendapatan mereka, selain daripada kepastian mengenai standard halal.

"Kita kena senaraikan dahulu barang makanan yang diimport menggunakan AP ketika ini, seterusnya kaji kesan pemansuhan AP dari aspek keselamatan makanan dan kesan kepada sektor pekerjaan sedia ada yang akan terjejas selepas AP dimansuhkan.

"Kena ada analisis terperinci kesannya terhadap industri makanan yang telah lama beroperasi di negara ini. Kita tidak mahu ada industri ini akan tutup sepenuhnya dan bertukar kepada model perniagaan hanya bergantung kepada import sepenuhnya," katanya.

Beliau mengulas langkah kerajaan memansuhkan keperluan AP terhadap bahan makanan berkuat kuasa serta-merta.

Mengulas lanjut, Johari berkata, kerajaan juga perlu memastikan kualiti barang makanan yang diimport tanpa AP memenuhi piawaian atau standard yang ditetapkan.

"Jika tiada pemantauan yang baik dan cekap, ia akan menyebabkan lambakan barang makanan yang tidak berkualiti dan tidak memenuhi tahap persijilan halal yang telah ditetapkan," katanya.

Dalam laporan muka depan *BH*, Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob yang mengumumkan perkara itu berkata, keputusan itu dibuat pada mesyuarat Kabinet bagi memastikan bekalan makanan negara mencukupi.

Dengan pemansuhan keperluan berkenaan, sesiapa sahaja boleh mengimport makanan ke negara ini sebagai antara usaha menangani isu keselamatan makanan.

Perdana Menteri berkata, kerajaan sudah meminta Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) mengemukakan segera cadangan jangka pendek dan panjang bagi memastikan perang di Ukraine tidak memberi kesan besar terhadap keselamatan makanan negara.

Ismail Sabri berkata, kerajaan sedar seluruh dunia bimbang dengan kesan perang memberi impak terhadap bekalan makanan dan semua pihak diminta menunggu pengumuman MAFI membabitkan AP.

> "Kita tidak mahu ada industri ini akan tutup sepenuhnya dan bertukar kepada model perniagaan hanya bergantung kepada import sepenuhnya"
>
> *Johari Abdul Ghani,*
> *Bekas Menteri Kewangan II*



# Dapat elak monopoli, tambah peluang perniagaan

**Kuala Lumpur:** Langkah kerajaan memansuhkan keperluan mendapatkan Permit Kelulusan atau *Approved Permit* (AP) dapat mengelakkan monopoli pihak tertentu, selain membuka peluang lebih luas kepada semua perniagaan termasuk Bumiputera, mengimport bahan makanan bagi memenuhi bekalan dalam negara.

Pensyarah Sekolah Perniagaan dan Ekonomi Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Ts Dr Anuar Shah Bali Mahomed, berkata langkah itu juga tepat dan boleh mengurangkan birokrasi import barangan seterusnya membantu memastikan bekalan makanan mencukupi.

"Langkah yang diambil kerajaan semalam dengan memansuhkan serta-merta AP makanan bagi memastikan bekalan makanan negara mencukupi adalah satu langkah yang perlu diambil pada ketika ini. Ia juga satu langkah yang baik untuk membantu memastikan bekalan makanan mencukupi.

"Ia adalah langkah tepat ketika keadaan kritikal ketika ini. Akan berlaku persaingan terbuka dan memberikan peluang kepada semua pihak yang ingin mengimport barangan makanan luar negara untuk memenuhi keperluan dalam negara.

"Kerajaan juga boleh memberikan ruang yang lebih luas kepada lebih ramai usahawan Bumiputera untuk turut serta dalam mengimport barangan makanan dari luar negara," katanya kepada *BH*



*Langkah diambil kerajaan memansuhkan serta-merta AP makanan bagi memastikan bekalan makanan negara mencukupi ketika ini.*
(Foto Faiz Anuar/BH)

Anuar Shah Bali berkata, selain pemansuhan AP makanan, langkah yang perlu dilaksanakan adalah menangani kebergantungan tinggi pada bahan makanan import dengan menghasilkan bahan makanan dalam negara.

"Ini perlu tindakan drastik kerajaan untuk mewujudkan pengeluaran pertanian berskala besar khususnya tanaman sayuran yang boleh memperoleh hasil segera sebelum krisis berpotensi lebih meruncing.

"Ini kerana, apabila berlaku krisis sekuriti di peringkat global, negara luar akan memastikan bekalan makanan dalam negara masing-masing mencukupi terlebih dahulu. Ini menjadi satu risiko besar kepada negara jika bergantung kepada barangan import terutamanya bekalan makanan.

"Krisis ini berpotensi menjadi lebih buruk pada suku ketiga tahun ini, justeru kerajaan perlu segera buat penanaman sayuran skala besar sebagai langkah talian hayat dan pelbagai jenis sayur yang boleh hasilkan pengeluaran segera iaitu dalam tempoh kurang dari enam bulan," katanya.

Beliau berpendapat, kerajaan boleh menyewakan tanah milik kerajaan yang bersesuaian secara percuma selama dua tahun (boleh diperbaharui) kepada pengusaha pertanian terutamanya pengusaha pertanian Bumiputera.



*Anuar Shah Bali*

Pensyarah Pusat Pengajian Ekonomi, Kewangan dan Perbankan Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof Madya Dr Irwan Shah Zainal Abidin, berkata pemansuhan AP makanan akan menimbulkan persaingan pasaran yang sihat, sekali gus dapat mengawal harga barangan pada masa depan kerana pengguna mempunyai pilihan untuk mendapatkan produk yang lebih bermutu dengan harga yang berpatutan,

Katanya, untuk tempoh jangka pendek, pemansuhan itu dapat mengawal kenaikan harga dan kekurangan bekalan.

"Apa yang penting bukan sahaja sekuriti makanan, malah ia membabitkan nutrisi. Jadi, kerajaan perlu memastikan bekalan makanan yang berkualiti. Selain daripada pemansuhan AP, kerajaan juga boleh meningkatkan subsidi kepada barangan secara bersasar, contohnya ayam dan telur.

"Kerajaan juga boleh memperkenalkan outlet khas yang menjual produk makanan dengan harga yang lebih rendah daripada harga pasaran dan mempunyai bekalan yang konsisten dan berterusan," katanya

Irwan Shah berkata, masih terlalu awal untuk mengetahui sama ada pemansuhan AP makanan benar-benar dapat menghapuskan isu 'orang tengah', namun ia dilihat akan memberikan impak kepada struktur pasaran dalam industri agromakanan.

"Keputusan ini bagi saya adalah usaha untuk mengatasi masalah pada ketika ini, iaitu masalah tekanan inflasi makanan dan kekurangan penawaran akibat daripada keadaan yang di luar kawalan kita.

"Ia menjadi pelengkap kepada langkah lain, seperti pemberian subsidi, ataupun kepada pengenalan harga siling ataupun skim harga maksimum.

"Untuk tempoh jangka panjang, ia bergantung kepada sejauh mana dokumen Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) dapat dilaksanakan dengan jayanya, terutamanya sasaran untuk meningkatkan tahap sara diri (SSL) bagi setiap komoditi agromakanan," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/5/2022 | NST | NATION/NEWS | 5 |

BIO-SECURITY CONTROL

# IMPORT PERMITS NEEDED FOR AGRO-FOOD

Measure to ensure food is free from diseases and pests, says ministry

NOOR ATIQAH SULAIMAN
PUTRAJAYA
news@nst.com.my

IMPORTERS of agro-food items must still obtain Import Permits (IP). This is to ensure bio-security control at the country's borders.

The Agriculture and Food Industries Ministry yesterday said this decision would also ensure that imported products were safe and free from pests or diseases.

"The decision to abolish Approved Permits (AP) was made by the cabinet.

"Although APs are no longer required to bring in agro-food commodities from abroad, importers must still have IPs to ensure bio-security control at the borders."

On Wednesday, Prime Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob said the government had decided to do away with APs effective immediately so that Malaysia would have sufficient food.

It was reported that Malaysia might face a food crisis in the middle of this year given the rising global oil prices, extreme weather, Covid-19 pandemic and the Russian invasion of Ukraine.

Malaysia spent more than RM50 billion a year to import basic food items, such as rice (30 per cent of needs), beef (78 per cent), mutton (90 per cent), and round cabbage (60 per cent).

The amount spent to import food continued to increase at a rate of 4.1 per cent a year, from RM45.3 billion in 2015 to RM55.4 billion last year.

The ministry said although the APs for most food items had been abolished, it was, however, maintained for importing rice.

"The ministry will continue to ensure continuity in the agro-food sector so that people will get sufficient, safe and nutritious food.

"At the same time, the wellbeing of local food producers will be safeguarded."



MAKING ENDS MEET Hasiah Hassan, 57, does four jobs a day, including working in a padi field in Balik Pulau, Penang. BERNAMA PIC

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/5/2022 | UTUSAN MALAYSIA | MUKA DEPAN | 1 |

Pasaran rugi RM26 juta akibat komplot tutup ladang ayam

# Boikot 'senyap'

Oleh ARIF AIMAN ASROL
utusannews@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Tindakan syarikat-syarikat penternak ayam menghentikan operasi ladang akan menjejaskan rantaian bekalan dan mengakibatkan pasaran kerugian RM26 juta.

Setakat ini empat syarikat penternak dilaporkan menghentikan operasi ladang dipercayai 'memboikot' tindakan lambat pihak kerajaan membayar subsidi harga ayam 60 sen.

Syarikat-syarikat berkenaan yang dikaitkan dengan kartel ayam mengemukakan alasan masalah 'ketumbuhan ayam' bagi menghalalkan tindakan menutup operasi di ladang.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, sumber industri memberitahu, strategi lama 'tangan-tangan hitam' itu mencatu ayam dalam pasaran sebelum ini gagal hingga mereka mengambil keputusan menutup ladang-ladang ayam.

"Setakat ini empat syarikat telah mengeluarkan pekeliling kepada semua pihak mengenai tindakan berkenaan. Ada yang bermula (menutup operasi) hari ini dan ada yang akan bermula esok sehingga Isnin ini.

"Tindakan itu bakal menghuru-harakan keadaan semasa rantaian bekalan ayam dengan pasaran dijangka mengalami kerugian sebanyak RM26 juta," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Rabu lalu, akhbar ini melaporkan, sekumpulan kartel industri ternakan ayam didakwa merancang menutup ladang ternakan esok dan Ahad ini sebagai protes kepada kerajaan ekoran bayaran subsidi harga ayam sebanyak 60 sen.

Bersambung di muka 3

# AP beras kekal, jamin stok negara

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
maisarah.rahim@mediamulia.com.my

**PUTRAJAYA:** Hanya empat jenis komoditi agromakanan dimansuhkan kelulusan permit (AP) mengimport kecuali beras.

Ia melibatkan kubis bulat, kelapa tua biji, ayam (keratan ayam dan ayam bulat) serta susu cair.

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) memaklumkan, bagaimanapun AP untuk pengimportan beras oleh Padiberas Nasional Berhad (Bernas) masih lagi berkuat kuasa.

Sumber industri memberitahu, pengimportan beras dikecualikan daripada pemansuhan AP bertujuan mengekalkan jumlah pegangan stok beras negara kepada 200,000 tan metrik bernilai RM500 juta setiap masa.

Ia juga bagi memastikan keselamatan makanan negara dan bekalan mencukupi serta harga beras tidak terdedah kepada kenaikan walaupun harga meningkat di pasaran antarabangsa

Kerajaan sebelum ini bersetuju untuk melanjutkan konsesi pengimportan beras kepada Bernas untuk tempoh 10 tahun akan datang selepas mengambil kira keperluan semasa.

Menterinya, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee dalam jawapan bertulis kepada Parlimen pada 3 November 2020 berkata, konsesi baharu itu mengandungi beberapa penambahan baharu dalam terma syarat selain mengambil kira bekalan keselamatan makanan ruji negara itu diberi keutamaan.

Bersambung di muka 2

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 20/5/2022 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 3 |

# Boikot 'senyap'

**Dari muka 1**

Penutupan ladang ternakan bukan sahaja mendorong peningkatan harga ayam, malah pengguna perlu berebut untuk mendapatkan bekalan yang turut menjejaskan operasi perniagaan pembekal.

Dalam pada itu, sumber industri menambah, jika seluruh syarikat penternak menghentikan operasi mereka secara serentak, bekalan ayam akan terputus menyebabkan kerugian besar susulan penggunaan ayam harian pengguna adalah dua juta.

Jelasnya, tindakan untuk mencatu ayam akan merugikan banyak pihak di mana pemborong terpaksa mengambil cuti disebabkan tiada hasil jualan untuk satu tempoh tertentu.

Sumber berkenaan turut menggesa kerajaan bertindak progresif dengan menyiasat dan membantu menyelesaikan masalah daripada peringkat peladang lagi bagi memastikan masalah sama tidak berlanjutan.

"Penggunaan ayam rakyat Malaysia untuk satu hari adalah dua juta ekor, satu ekor anggaran beratnya adalah dua kilogram (kg). Satu kg harga ladang sekarang adalah RM6.50, kira-kira sebanyak RM26 juta nilai terjejas, belum campur dengan nilai dari peruncit ke pembeli.

"Kerajaan perlu tubuhkan pasukan khas dianggotai semua agensi serta-merta untuk menyelesaikan masalah ini supaya ia tak berlanjutan. Bayangkan kalau semua negara berhenti eksport gandum dan jagung. Apa akan jadi dengan negara? Akan putus bekalan ayam dalam tempoh masa yang lama. Sekarang pihak berkuasa perlu faham harga kawalan bukan isunya," katanya.

Kelmarin satu pekeliling yang dikeluarkan sebuah syarikat ladang ternakan di Melaka yang memaklumkan bekalan ayam akan dihentikan pada 21 hingga 22 Mei ini atas alasan 'masalah-masalah ayam di ladang ternakan'.

Sumber memaklumkan bahawa setiap syarikat penternak terlibat akan mengambil cuti berganti, bukan serentak dan akan meneruskan dengan alasan ayam tidak cukup berat yang terjadi disebabkan dedak ayam tidak berkualiti.

"Sebab dedak tak kualiti ini adalah masalah global, beberapa negara yang sepatutnya bekalkan jagung yang bagus hentikan eksport seperti Brazil dan Amerika Syarikat (AS). Penternak terpaksa import dedak dari negara dedaknya tidak mempunyai kualiti seperti China, kesannya anak ayam tak berkualiti menyebabkan ayam terbantut.

"Ayam juga akan banyak sakit, masa bela ayam akan jadi lebih panjang. Maksudnya banyak peladang akan ada penambahan kos dan kerugian demi kerugian," jelasnya.

Kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob meminta Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menyegerakan pembayaran subsidi harga ayam sebanyak 60 sen kepada penternak sebagaimana dijanjikan kerajaan sebelum ini.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/5/2022 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 2 |

**Minda Pengarang**



MOHD. RADZI MOHD. ZIN

# *Bersedia hadapi hari tanpa ayam*

BAB makan memang sentiasa menjadi topik hangat dalam masyarakat. Terbaharu, rancangan empat syarikat penternak mahu menghentikan operasi ladang mereka sebagai langkah yang didakwa 'memboikot' tindakan lambat kerajaan membayar subsidi harga ayam sebanyak 60 sen.

Difahamkan, tindakan itu bakal menghuru-harakan keadaan semasa rantaian bekalan ayam dengan pasaran dijangka mengalami kerugian sebanyak RM26 juta.

Tidak dinafikan ayam adalah antara menu kegemaran utama rakyat terutamanya kanak-kanak. Pendek kata, anak-anak tak boleh hidup tanpa ayam. Sebab itu, syarikat penternak terbabit berani melakukan 'boikot senyap'.

Jika seluruh syarikat penternak menghentikan operasi mereka secara serentak, bekalan ayam akan terputus menyebabkan kerugian besar susulan daripada penggunaan ayam harian pengguna adalah dua juta.

Selain itu, harganya yang relatif lebih murah iaitu kira-kira RM8.90 sekilogram berbanding menu lain terutama daging dan ikan menyebabkan ayam sentiasa menjadi pilihan sebagai hidangan utama atau pun dijadikan perencah masakan.

Menurut sumber industri, syarikat berkenaan yang boleh dikatakan sebagai kartel ayam mengemukakan alasan masalah 'ketumbuhan ayam' bagi 'menghalalkan' tindakan menutup operasi ladang.

Pakatan boikot itu diperkuatkan dengan pekeliling syarikat terbabit kepada semua pihak mengenai tindakan berkenaan. Ada yang bermula (menutup operasi) Jumaat dan ada yang akan memulakannya Sabtu sehingga Isnin ini.

Antara punca utama dikatakan sebagai protes kepada kerajaan ekoran bayaran subsidi harga ayam sebanyak 60 sen. Bagaimanapun, Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dalam reaksinya kelmarin meminta Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menyegerakan pembayaran subsidi harga ayam sebanyak 60 sen kepada penternak sebagaimana dijanjikan kerajaan sebelum ini.

Bagaimanapun katanya, Mesyuarat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) yang bermesyuarat sebelum ini dimaklumkan oleh MAFI bahawa kementerian itu belum menerima tuntutan pembayaran daripada pihak penternak.

Memang prosedur kerajaan, sebelum apa-apa pembayaran dibuat, penternak mestilah mengemukakan tuntutan terlebih dahulu. Jika tuntutan pun belum dibuat, bagaimana pembayaran mahu dilunaskan?

Boikot senyap ini diakui akan menyusahkan pengguna kerana sukar mendapat bekalan ayam di pasaran. Namun, jika pengguna bersatu inilah juga masanya untuk menunjukkan kuasa yang ada pada kita. Jadi untuk tempoh tiga, empat hari ini kita berhenti beli ayam. Alternatifnya, makan ikan, daging dan telur.

Jika golongan pengguna boleh bersatu dan menunjukkan kuasa mereka, nescaya kartel ayam ini lama kelamaan akan terkesan. Akhirnya, permintaan ayam berkurang dan harganya kembali stabil seperti dulu iaitu kira-kira RM6 ke RM7 sekilogram.

**Mohd. Radzi Mohd. Zin adalah Pengarang Berita *Utusan Malaysia*.**

# AP beras kekal, jamin stok negara

**Dari muka 1**

Sementara itu, menurut MAFI, keputusan pemansuhan AP itu diputuskan Jemaah Menteri seperti diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob kelmarin.

"Walaupun AP tidak lagi diperlukan untuk membawa masuk komoditi agromakanan daripada luar negara, pengimport masih perlu mempunyai Import Permit (IP) bagi tujuan kawalan biosekuriti di pintu-pintu masuk negara.

"Ini untuk memastikan kawalan biosekuriti dan produk yang diimport adalah bebas daripada penyakit dan perosak serta diperoleh daripada loji yang diiktiraf kerajaan," katanya dalam kenyataan, semalam.

Kelmarin, Perdana Menteri mengumumkan keputusan kerajaan memansuhkan keperluan AP terhadap bahan makanan, berkuat kuasa serta-merta sebagai langkah drastik menjamin keselamatan dan bekalan makanan di negara ini.

Dengan pemansuhan keperluan permit itu, ia bermakna sesiapa sahaja boleh mengimport makanan ke negara ini, berbanding kemestian AP.

Dalam pada itu, MAFI berkata, dengan pemansuhan AP, semua syarikat dibenarkan mengimport semua komoditi agro makanan tertakluk kepada IP yang dikeluarkan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS).

Katanya, ia berserta syarat-syarat yang tertulis dalam permit selaras dengan subseksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728] dan juga akta serta peraturan lain yang berkuat kuasa.

"MAFI akan terus memainkan peranan penting bagi memastikan kelangsungan sektor agromakanan di setiap peringkat rantaian makanan supaya rakyat terus mendapat bekalan makanan yang mencukupi, selamat dimakan serta berkhasiat.

"Pada masa sama, kebajikan pengeluar makanan tempatan juga akan terus dipelihara," katanya.

MAFI berharap dengan keputusan kerajaan ini bekalan makanan dan sekuriti makanan negara akan terus kekal terjamin bagi kesejahteraan Keluarga Malaysia.



**PERMIT import beras masih dikekalkan demi menjamin keselamatan stok bekalan makanan ruji itu untuk penduduk negara ini. – UTUSAN/PUQTRA HAIRRY ROSLI**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/5/2022 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 4 |

# Isu kartel ayam: Pegawai dakwa terima peluru

Oleh FAHMI FAIZ
utusannews@mediamulia.com.my



INDUSTRI ternakan ayam di Malaysia yang bernilai sekitar RM10 bilion memang menarik minat banyak pihak untuk menceburi dan menguasai industri tersebut selama mungkin. - UTUSAN/MUHAMAD IQBAL ROSLI

**PETALING JAYA:** Beberapa kakitangan kerajaan didakwa menerima ugutan termasuk kiriman peluru, dipercayai ada kaitan dengan modus operandi pihak kartel industri ayam yang mahu menakut-nakutkan mereka.

Sumber dalaman industri memberitahu *Utusan Malaysia*, sebelum pendedahan pertama penguasaan kartel dalam industri ayam negara disiarkan dalam akhbar ini pada 7 April lalu, dia sudah menerima keluhan daripada kakitangan terbabit yang mengadu menerima ugutan daripada pihak yang tidak diketahui.

Malah, katanya, selepas akhbar ini menyiarkan beberapa siri laporan tentang kegiatan kartel, dia mendakwa ada penternak ayam Melayu di sebuah negeri mengadu menerima tekanan daripada beberapa pihak berkepentingan dalam industri tersebut.

"Ada pegawai kerajaan mengadu (pada saya) terima peluru dan ada pula yang menerima tekanan selepas laporan tentang kartel ayam disiarkan akhbar *Utusan Malaysia*.

"Saya percaya mereka adalah individu sama ada daripada kumpulan kartel atau pegawai agensi kerajaan yang mengugut," katanya di sini, semalam.

Menjelaskan lanjut, sumber itu mendakwa, pihaknya yang mewakili penternak wilayah selatan tanah air memang mempunyai pengalaman berhadapan kerenah birokrasi agensi kerajaan yang seakan-akan mahu menyusahkan usaha penternak Melayu untuk membangunkan industri ternakan ayam kerana menimbulkan persaingan kepada kartel yang sudah lama bertapak di negara ini.

Dia mendakwa, mempunyai maklumat mengenai pegawai yang menyukarkan usaha penternak Melayu di wilayah selatan itu, malah bersedia mendedahkan identiti dirinya sendiri dalam masa terdekat untuk memastikan usaha kerajaan memulihkan industri ternakan ayam dapat berjalan lancar.

"Kami dulu pun pernah ada pengalaman, ada agensi kerajaan tidak menerima persatuan ternakan orang Melayu tetapi lebih menerima kartel. Ini di bahagian selatan tanah air. Mereka menyukarkan permohonan lesen dan permohonan tanah rizab kerajaan untuk persatuan ternakan Melayu membangunkan ladang ternakan ayam.

"Buat masa ini, rujuk identiti saya sebagai 'sumber'. Bagi saya selesai bekerjasama dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dulu, mungkin saya akan dedahkan nama saya. Bagi saya atur dengan SKM untuk bantu kerajaan memperbanyakkan lagi penternak.

"Tapi kalau kamu mahu saya bagi nama anggota agensi kerajaan yang menafikan kedudukan penternak-penternak Melayu, saya ada nama mereka dan saya boleh bagi satu per satu," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/5/2022 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 5 |

# Keputusan kekalkan AP beras tepat

Oleh AHMAD FADHLULLAH ADNAN
fadhlullah.adnan@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Keputusan kerajaan mengekalkan keperluan lesen import (AP) bagi mengimport beras dilihat langkah tepat menjamin kepentingan pesawah tempatan.

Pengerusi Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (PeSAWAH), Muhammad Fuad Yaacob berkata, lambakan beras import tanpa sebarang kawalan AP dibimbangi boleh menjejaskan hasil petani tempatan.

Katanya, ini kerana kilang yang menghasilkan beras sudah tentu tidak dapat bersaing dengan lambakan beras sekiranya pengimportan beras dari luar berlaku tanpa kawalan.

"Apabila berlaku lambakan (beras) dengan semua pihak boleh mengimport, kilang nak beli padi untuk hasilkan beras akan takut beras (tempatan) itu tak terjual.

"Mungkin kalau beli pun, harga padi akan jatuh dan itu akan menjejaskan hasi petani tempatan maka sebab itu perlunya AP beras bagi menjaga kepentingan pesawah.

"Macam tanaman kobis (yang dimansuh AP) cuma di beberapa tempat tetapi padi melibatkan ratusan ribu petani, itu yang kita bimbang jika tiada kawalan," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*, semalam.

Semalam, kerajaan memansuhkan keperluan AP terhadap bahan makanan, berkuat kuasa serta-merta.

Namun, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dalam perinciannya memaklumkan, hanya empat jenis komoditi agromakanan tertentu tidak lagi dikenakan AP atau kelulusan kuota import dan kebenaran mengimport.

Ia melibatkan kubis bulat, kelapa tua biji, ayam (keratan ayam dan ayam bulat) dan susu cair dengan pengimportan beras masih lagi berkuat kuasa.

Sementara itu, Pengerusi Pertubuhan Gerak Tani, Datuk Mazlan Aliman pula berpendapat, kerajaan sepatutnya tidak memberi sebarang pengecualian pemansuhan AP terhadap pengimportan beras.

Katanya, dengan erti kata lain, monopoli kepada Padiberas Nasional Berhad (Bernas) itu harus ditamatkan kerana sebahagiannya perlu diberikan kepada pemain industri yang dekat di hati rakyat.

"Contoh, Lembaga Pertubuhan Peladang, kawasan terlibat seperti Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada) dan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA).

"Mereka ini juga harus diberi peluang untuk dapat kuota tertentu, bukan sepenuhnya seperti Bernas.

"Dasar monopoli ini juga menjadi sebahagian kartel yang patut dielakkan. (Apabila AP beras dikekalkan), ini menjadi persepsi orang ramai bahawa Bernas itu merupakan kartel yang mendapat konsesi tertentu dari pihak kerajaan," jelasnya.



TINDAKAN kerajaan mengekalkan AP import beras dilihatkan langkah tepat untuk menjamin kepentingan pesawah tempatan. – GAMBAR HIASAN

# Cuma langkah jangka pendek

**PETALING JAYA:** Tindakan drastik kerajaan memansuhkan keperluan lesen import (AP) terhadap bahan makanan berkuat kuasa serta-merta dilihat cuma satu langkah jangka pendek dalam menyelesaikan krisis kekurangan bekalan makanan ketika ini.

Sebaliknya, Pensyarah Kanan City University Malaysia, Prof. Madya Dr. Abu Sofian Yaacob berkata, kerajaan perlu segera memperkasa sektor pertanian tempatan sebagai satu langkah jangka panjang supaya negara tidak terus bergantung kepada keperluan negara luar.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, katanya, ini kerana semua pihak sudah maklum kemungkinan kekurangan bekalan makanan dalam beberapa tempoh akan datang ekoran krisis Russia-Ukraine.

Sehubungan itu jelasnya, tenaga pakar, pensyarah dan penyelidik tempatan dalam bidang pertanian perlu digembleng untuk diberi ruang dan peluang supaya mereka dapat membuat kajian dalam mencungkil hasil pertanian dengan lebih cepat dan berkualiti.

"Thailand dan Indonesia sudah mula merancang ekonomi pertanian supaya tidak ada masalah dari segi kekurangan bekalan, jadi saya tak nampak lagi persiapan itu di negara ini.

"Penduduk kita makin bertambah dan kalau tengok kebanyakan kawasan pertanian sudah diganti dengan kawasan perumahan, jadi kita masih bergantung kepada import.

"Jadi kerajaan kena merancang sesuatu drastik supaya lima hingga 10 tahun nanti, isu makanan akan berkurangan sekurang-kurangnya 50 peratus. Yang ini perlu beri tumpuan lebih," katanya semalam.

Dalam pada itu, tindakan drastik kerajaan memansuhkan keperluan AP bahan makanan berkuat kuasa serta-merta tidak menjamin perubahan dalam mengurangkan krisis bekalan makanan mahupun kenaikan harga di pasaran.

Pengarah Urusan Maha Berjaya Frozen Foods Sdn. Bhd., Shahul Hameed Amanulla berkata, langkah itu hanya mengurangkan caj permit sebanyak 10 sen bagi sekilogram Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) yang dikenakan kepada pemegang AP bahan makanan ketika ini.

"Semua orang ingat AP (bahan makanan) seperti AP (import) kereta. Kalau AP kereta, betul satu kereta boleh untuk RM1,000 atau RM2,000.

"Padahal untuk makanan tiada. Ia cuma yuran DVS caj yuran permit 10 sen bagi sekilo (daging yang diimport), jadi kurang 10 sen pun tak banyak mengurangkan harga.

"Contohnya sekarang saya jual RM10, (apabila mansuh AP) saya boleh jual RM9.90, jadi apa bezanya?," soalnya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*, semalam.

Isu kualiti bahan makanan dibangkitkan Ketua Koordinator Forum Kedaulatan Makanan Malaysia, Nurfitri Amir Muhammad.

"Tetapi siapa nanti akan kawal kualiti makanan tersebut, halal tak halal. Mudah untuk import tetapi perlu berhati-hati takut tidak ada kualiti," katanya.

# Mansuh AP: Mampu tangani isu monopoli

**PUTRAJAYA:** Keputusan kerajaan memansuhkan permit import (AP) makanan diyakini dapat menyelesaikan isu kekurangan bekalan, penyorokan dan lonjakan harga bahan mentah di pasaran.

Ahli Dewan Negara, Datuk Mohd. Hisamudin Yahaya berkata, ini sekali gus membolehkan nasib rakyat akan lebih terbela tanpa monopoli pihak tertentu.

"Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob kerana berani mengambil keputusan tepat memansuhkan permit import (AP) makanan.

"Saya rasa bersyukur cadangan yang dibangkitkan dalam ucapan penggulungan di Dewan Negara pada 15 Disember lalu akhirnya diterima pakai kerajaan," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Sebelum ini Hisamudin pernah membangkitkan di Parlimen yang menyarankan kerajaan memansuhkan monopoli permit import bagi memastikan harga barangan dapat dikawal.

Sementara itu, Yang Dipertua, Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) Negeri Sembilan, Amirhamzah Karim menyambut baik keputusan kerajaan tersebut yang diumumkam Perdana Menteri, semalam.

Katanya, keputusan itu juga tepat pada masanya dan memberi sinar kepada peniaga dan usahawan baharu yang ingin berkecimpung dalam pengimportan makanan yang selama ini tersekat atau terhambat dek keperluan permit import.

"Keperluan AP ini menyebabkan gangguan kepada sistem pembekalan rantaian bekalan makanan di negara ini yang dikuasai pihak-pihak tertentu.

"Pemansuhan ini membolehkan mana-mana pengimport atau pemain baharu untuk mengimport makanan bagi keperluan pengguna akan merancakkan urusniaga rantaian bekalan makanan yang selama ini ini dibelenggu orang tengah dan kartel," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/5/2022 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 6 |

# SPRM semak laporan isu integriti pegawai Jakim

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
maisarah.rahim@mediamulia.com.my

**PUTRAJAYA:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) masih menyemak dan mengkaji maklumat berhubung laporan melibatkan integriti pegawai Bahagian Hab Halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dalam isu pelanggaran protokol halal sebuah rumah penyembelihan di Australia.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengarah Kanan Bahagian Siasatan SPRM, Datuk Seri Hishamuddin Hashim berkata, pihaknya mengesahkan menerima laporan itu yang dibuat pihak Pertubuhan Kemasyarakatan Rakyat (Pekemas), Selasa lalu.

Dalam masa sama, pihaknya akan memanggil mereka yang mengemukakan laporan itu untuk memberi maklumat lanjut khususnya berkaitan isu di bawah fungsi SPRM.

"Sedang semak dan kaji (laporan), mungkin akan panggil pihak yang kemukakan laporan untuk berikan perincian khususnya berkaitan isu di bawah fungsi SPRM," katanya di sini semalam.

Selasa lalu, Presiden Pekemas, Faizan Mohd. Nor membuat laporan SPRM atas isu berkenaan kerana dipercayai wujud pelanggaran integriti beberapa pegawai Jakim itu seolah-olah hanya memejamkan mata dan membenarkan segala salah laku berlaku tanpa pemantauan sebaiknya.



ABDULLAH, saksi bekas pekerja rumah sembelihan di Australia tampil mendedahkan salah laku dalam sidang akhbar secara video Pekemas dan PPIM di Kuala Lumpur, 10 Mei lalu.

Sedangkan katanya, tindakan pemeriksaan dan pemantauan adalah di bawah tanggungjawab pegawai termasuk seorang pengurusan tertinggi jabatan berkenaan.

Menurut Faizan, SPRM akan membentangkan laporan isu tersebut dalam mesyuarat suruhanjaya itu, seterusnya melantik pegawai penyiasat berdasarkan prosedur operasi standard (SOP) siasatan suruhanjaya berkenaan.

Laporan itu dibuat agar SPRM dapat menyiasat salah laku dan integriti pegawai Bahagian Hab Halal Jakim dan pembongkaran isu moral dalam kalangan pegawai yang terlibat dalam kelulusan Supreme Islamic Council of Halal Meat in Australia Inc. (SICHMA) selaku badan pensijilan halal yang bertanggungjawab dalam penyeliaan halal ke atas Thomas Food Industries (TFI).

Faizan adalah salah seorang yang mendedahkan bukti menerusi maklumat daripada pekerja rumah penyembelihan di Australia, termasuk rakaman video ketidakpatuhan yang berlaku bertahun-tahun.

# Tubuh RCI siasat integriti Jakim

**PUTRAJAYA:** Sebuah Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) perlu ditubuhkan bagi menyiasat kepincangan integriti melibatkan pegawai Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) berhubung isu pelanggaran protokol halal sebuah rumah sembelihan di Australia yang diiktiraf jabatan itu.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, penyelidik bebas Australia, Murray Hunter berkata, segala bukti telah pun didedahkan selain pengakuan sendiri saksi utama salah laku di Thomas Food Industries (TFI) termasuk bukti rakaman audio membabitkan dalang di sebalik ketidakpatuhan rumah sembelihan itu.

Bukti terbaharu itu didedahkan dalam sidang akhbar semalam dengan rakaman tersebut dipercayai membabitkan pegawai Jakim dan individu dikenali sebagai Mohamed Adil Rahman serta Supreme Islamic Council of Halal Meat in Australia Inc. (SICHMA), yang bertanggungjawab selaku badan pensijilan halal ke atas loji sembelihan itu.

Berdasarkan butiran rakaman berkenaan, Mohamed Adil membuat pengakuan bahawa dia bertanggungjawab sebagai dalang menyahkan beberapa agensi pensijilan halal asing daripada pihak Jakim.

"Penubuhan RCI diperlukan untuk memulihkan semula integriti halal dan sebuah institusi agama Jakim.

"Perkara ini amat serius, laporan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah dibuat maka sudah tiba masanya siasatan bebas dijalankan secara menyeluruh," katanya di sini semalam.

Selain rakaman audio, beberapa akuan bersumpah turut didedahkan dengan membabitkan beberapa pekerja di pusat penyembelihan tersebut dalam sidang akhbar oleh Presiden Pertubuhan Kemasyarakatan Rakyat (Pekemas), Faizan Mohd. Nor dan Ketua Aktivis Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), Datuk Nadzim Johan.

Sebelum ini, seorang bekas pekerja sebuah rumah penyembelihan di Australia membuat pengakuan secara terbuka yang mendakwa ada bukti rakaman video cara sembelihan haiwan di situ yang melanggar protokol adalah benar sebagaimana didedahkan *Utusan Malaysia* sejak 14 April lalu.

Susulan itu, Jakim dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) memutuskan untuk menggantung lesen loji sembelihan Thomas Foods International Lobethal di Australia susulan isu penyembelihan yang meragukan itu sehingga satu hasil siasatan menyeluruh diperoleh.

Dalam pada itu, Murray berkata, penyertaan pegawai dari Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS) dalam sidang akhbar itu menerusi dalam talian juga menunjukkan badan agama luar negara mengambil serius isu berkenaan.

Ini kerana katanya, TFI turut mengeksport daging ke Singapura dan perkara itu memberi implikasi kepada para pengguna umat Islam di negara itu.

Dalam masa sama, kata beliau, pihak Jakim mempunyai peluang untuk berhubung sendiri dengan 'Abdullah' selepas mereka mendakwa gagal mendapatkan saksi utama berkenaan.

# Abdullah perlu beri kerjasama - Idris Ahmad

**KUALA LUMPUR:** Individu dikenali sebagai Abdullah diminta memberi kerjasama kepada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) bagi membantu siasatan berhubung isu pusat penyembelihan halal di Australia.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Idris Ahmad menjelaskan, pegawai atase Jakim di Australia telah pun bertemu dengan individu berkenaan.

Katanya, Abdullah berjanji akan menghubungi semula pegawai berkenaan, namun masih belum berbuat demikian sehingga kini.

"Empat hari lepas, saya telah bermesyuarat dengan pegawai atase Jakim di Australia bersama Ketua Pengarah Jakim, nak dapatkan secara langsung apa yang berlaku sebenarnya.

"Pegawai itu ceritalah apa yang berlaku dan tindakan drastik kita ketika ini ialah menggantung operasi pusat loji penyembelihan itu.

"Kita juga sekarang ini berusaha untuk menghubungi individu yang buat pendedahan itu dan kita nak supaya dia beri kerjasama yang baik. Namun, setakat ini dia belum lagi hubungi kita," katanya.

Dalam masa sama, beliau juga meminta supaya Abdullah bekerjasama secara terus kepada Jakim dan bukannya melalui pihak ketiga.

"Kalau ikut maklumat, ada pegawai dapat menghubungi beliau dan dikatakan akan menghubungi kita semula tetapi sampai sekarang tidak hubungi semula.

"Kalau ikutkan maklumat, pemberi maklumat itu adalah orang Somalia. Tetapi yang penting kita nak informasi yang lengkap," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Kongres Nasional Islam, Keluarga Malaysia dan Keharmonian: Membina Agenda Kalis Cabaran Masa Depan sempena sambutan Ulang Tahun Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) yang ke-30.

Semalam, Abdullah mengakui sedia untuk tampil membantu siasatan, dengan syarat, keselamatan diri dan keluarganya terjamin.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/5/2022 | SINAR HARIAN | MUKA DEPAN | 1 |



Ustaz Kazim derita sakit kulit seluruh anggota

11



Kes bunuh CEO Cradle Fund: Nasib Samirah, dua remaja diketahui 21 Jun

12

## Untuk tingatkan pengeluaran, kurangkan import makanan

# MAJUKAN TANAH TERBIAR 103,000 HEKTAR




- Kerajaan disaran memajukan kira-kira 103,000 hektar tanah terbiar di seluruh negara sebagai salah satu usaha meningkatkan kapasiti pengeluaran makanan bagi memenuhi keperluan 32 juta rakyat negara ini.
- Kerajaan juga disyor melaksanakan transformasi sistem pertanian moden seperti penggunaan dron dan aplikasi internet kebendaan (IoT) bagi menaikkan imej sektor berkenaan sebagai satu pekerjaan popular yang menjadi pilihan anak muda.
- Pihak universiti dan industri turut diminta berganding bahu bersama kerajaan demi membantu golongan belia menceburi bidang pertanian selain memudahkan urusan permohonan golongan itu untuk membangunkan tanah terbiar.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/5/2022 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 2 |

# Bangunkan tanah terbiar dengan lebih drastik

## 103,000 hektar tanah boleh diusahakan bagi menghasilkan bekalan makanan negara

RAJA NUR FAZNIE AIDA, MOHAMMAD KHAIRIL ASHRAF MOHD KHALID dan NAZRIN ZULKAFLI

**SHAH ALAM**

Pakar pertanian menggesa kerajaan mengambil langkah lebih drastik untuk memastikan lebih 103,000 hektar tanah terbiar di seluruh negara diusahakan dengan projek pertanian bagi menjamin bekalan makanan di samping mengurangkan import.

Pakar Institut Kajian Dasar Pertanian dan Makanan Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Dr Fatimah Mohamed Arshad berkata, ia termasuk menyediakan inisiatif sewaan tanah pertanian.

Katanya, langkah tersebut perlu dimulakan dengan penyediaan pangkalan data berkaitan tanah yang hendak disewakan.

"Siapa yang berminat untuk sewa boleh buat melalui kaedah ini. Dengan syarat pangkalan data tersebut lengkap dan peraturan serta perundangan telah ditetapkan terlebih dahulu untuk menjaga kepentingan penyewa dan pemilik tanah," katanya kepada *Sinar Harian* pada Khamis.



FATIMAH

Beliau turut mencadangkan supaya kerajaan tidak mengenakan bayaran cukai hasil dan cukai pintu untuk tempoh tertentu, sekiranya tanah terbiar itu telah diusahakan petani.

Berdasarkan statistik Jabatan Pertanian pada 2019, sebanyak 103,563 hektar tanah yang sesuai untuk pertanian tidak diusahakan dan terbiar di seluruh negara.

Sebagai perbandingan, keluasan tanah terbiar itu adalah lebih kurang sama dengan saiz negeri Pulau Pinang.

LAPORAN MUKA DEPAN

Dalam perkembangan sama, Dr Fatimah berkata, keuntungan yang lebih rendah, berbanding kos pengeluaran yang tinggi menjadi punca orang ramai tidak berminat untuk mengusahakan tanah terbiar.

Menurutnya, ia disebabkan semua bahan keperluan pertanian dan penternakan diimport seperti baja kimia, benih, serta bijirin untuk makanan ternakan, jagung dan kacang soya, selain penggunaan teknologi dan kos tenaga buruh.

"Semua ini memerlukan kos yang tinggi sedangkan keuntungan rendah.

"Justeru kalau tidak untung siapa yang nak tanam sayur di tanah terbiar? Ini akan menambahkan lagi masalah," katanya yang meminta kerajaan membantu mengatasi masalah itu.

Media sebelum ini melaporkan Malaysia mungkin mengalami krisis makanan yang teruk jika pelbagai masalah seperti inflasi, kenaikan harga minyak, cuaca ekstrem, pandemik Covid-19 dan konflik antara Rusia dan Ukraine berlarutan.

Setiap tahun Malaysia merekodkan lebih RM50 bilion import bahan makanan asas, dengan barangan seperti beras sebanyak 30 peratus, daging lembu (78%), daging kambing (hampir 90%) dan kobis bulat (60%).

**TANAH PERTANIAN TERBIAR DI MALAYSIA**

| NEGERI | BIL LOT | LUAS (HEKTAR) |
|---|---|---|
| Pahang | 11,292 | 29,391 |
| Selangor | 4,485 | 20,058 |
| N. Sembilan | 5,885 | 11,324 |
| Perak | 4,004 | 11,013 |
| Johor | 4,561 | 10,098 |
| Terengganu | 7,027 | 7,862 |
| Kelantan | 3,690 | 4,815 |
| Kedah | 1,774 | 2,655 |
| P. Pinang | 877 | 2,622 |
| Melaka | 1,915 | 2,332 |
| Labuan | 858 | 1,381 |
| Perlis | 14 | 12 |
| Sabah | tiada data | - |
| Sarawak | tiada data | - |
| JUMLAH | 46,382 | 103,563 |

*Sumber: Jabatan Pertanian 2019*



Projek pertanian seperti penanaman nanas membantu mengurangkan import makanan Malaysia yang mencecah lebih RM50 bilion setahun.

## Semua pihak perlu ganding bahu bantu belia

**SHAH ALAM** - Kerajaan, universiti dan industri perlu bersama berganding bahu membantu golongan belia yang berminat mengusahakan tanah terbiar dengan projek pertanian.



MUHAMMAD HAZWAN

Pensyarah Kanan Jabatan Kejuruteraan Biologi dan Pertanian, Fakulti Kejuruteraan Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Muhammad Hazwan Hamzah berkata, ia bagi memudahkan golongan belia terlibat secara serius dalam meningkatkan hasil pengeluaran pertanian negara.

Menurutnya, pihak kerajaan boleh berperanan dengan memberikan insentif yang mencukupi selain memudahkan urusan permohonan golongan itu untuk mengusahakan tanah terbiar.

"Semestinya ada sedikit kerenah birokrasi. Proses permohonan juga mengambil masa agak panjang. Jadi kerajaan boleh membantu golongan belia yang benar-benar mahu mengusahakannya.

"Bagi pihak industri pertanian pula, mereka boleh menyediakan teknologi kerana golongan belia sekarang lebih tertarik kepada teknologi. Tidak perlu teknologi yang terlalu tinggi sebab akan menambah kos. Cukup dengan teknologi dron dan aplikasi internet kebendaan (IoT) dalam pertanian.

"Bagi ahli akademik atau universiti pula, ia boleh menyumbang dari segi kepakaran iaitu bagaimana mahu mengusahakan tanah terbiar ini. Perlu diajar dari awal sehinggalah tanaman dituai. Perkara ini penting," katanya kepada *Sinar Harian*.

Tambah beliau, golongan belia juga harus memiliki empat perkara apabila ingin mengusahakan tanah pertanian yang disediakan kerajaan negeri iaitu modal, ilmu, jenis tanaman dan juga prosedur.

"Mereka yang mahu mengusahakan ini perlu mempunyai modal tambahan meskipun kerajaan ada menyediakan sedikit insentif. Insentif yang diberikan tidak cukup, jadi modal tambahan perlu ada.

"Bagi ilmu pula, tidak kisah apa sahaja latar belakang belia ini, yang penting mereka berminat dan bersedia untuk mencari ilmu. Mereka boleh sertai mana-mana kursus agensi secara percuma atau berbayar," ujar beliau.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 20/5/2022 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 5 |

# Pertanian moden tarik minat anak muda

Termasuk penggunaan dron dan aplikasi internet kebendaan

SHAH ALAM

Tiga langkah perlu dilakukan kerajaan bagi menaikkan imej sektor pertanian sebagai satu pekerjaan popular sekali gus akan menjadi pilihan anak muda.

Dekan Fakulti Pertanian Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Madya Dr Nur Azura Adam berkata, pertama adalah melakukan transformasi sistem pertanian moden yang menepati cita rasa golongan tersebut.

Jelasnya, antara yang perlu dipergiatkan adalah penggunaan dron dan aplikasi internet kebendaan (IoT) dalam pertanian.

"Pastikan kita adaptasi semua teknologi dan sistem maklumat untuk diaplikasi dalam pertanian. Itu adalah salah satu cara untuk menarik anak muda," katanya kepada *Sinar Harian* pada Khamis.

Beliau berkata demikian ketika ditanya apakah usaha bagi menjadikan sektor pertanian sebagai satu kerja yang dapat menarik minat golongan muda menceburinya.

Selain itu katanya, sistem pendidikan di negara ini juga perlu menerapkan kepentingan pertanian dalam kehidupan seharian.

"Beri lebih pendedahan di peringkat yang lebih rendah seperti sekolah rendah dan daripada akar umbi bagi menunjukkan bahawa pertanian itu adalah penting," katanya.

Tambahnya, usaha ketiga adalah dengan mengubah program akademik pertanian di peringkat universiti di negara ini.

"Maknanya, program akademik itu perlu menerapkan aplikasi pertanian moden dan penglibatan daripada industri pertanian.

"(Contohnya) syarikat pertanian yang mengamalkan teknologi pertanian pintar perlu bersama-sama dengan universiti dalam membentuk kurikulum akademik pertanian," jelasnya.

Dengan penerapan ini katanya, golongan muda atau graduan yang dihasilkan akan mempunyai pengalaman dalam pertanian moden.

Sementara itu, mengulas mengenai punca golongan muda tidak mahu menceburi bidang pertanian, Nur Azura berpandangan antaranya adalah disebabkan faktor kewangan atau bajet.

"Dari segi nak memulakan sesuatu itu perlunya mempunyai modal. Peluang-peluang itu telah ada daripada kerajaan dan bank-bank (tetapi) kaedahnya bagaimana mahu memohon," jelas beliau.

Menurutnya, terdapat graduan yang berminat untuk menceburi sektor pertanian sejurus mereka tamat belajar tetapi tidak mengetahui cara atau tiada panduan untuk mendapatkan bajet.

"Kadang-kadang mereka ini berminat tetapi tidak mengetahui 'lorong' mana nak dituju," katanya.

Disebabkan itu Nur Azura berkata, pihaknya telah memperkenalkan sebuah 'Program Inkubasi' kepada graduan yang berminat dalam sektor pertanian bagi membantu mereka seperti bagaimana mahu mendapatkan bajet.

*"Pastikan kita adaptasi semua teknologi dan sistem maklumat untuk diaplikasi dalam pertanian. Itu adalah salah satu cara untuk menarik anak muda."*



AZURA ADAM

LAPORAN MUKA DEPAN

## Selangor guna kaedah alternatif bagi pengeluaran makanan haiwan ternakan

**SHAH ALAM** - Selangor akan melaksanakan kaedah alternatif bagi pengeluaran makanan untuk ternakan khususnya ayam dan haiwan ruminan seperti lembu dan kambing dalam masa terdekat.



IZHAM HASHIM

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur, Kemudahan Awam, Pemodenan pertanian dan Industri Asas Tani, Izham Hashim berkata, inovasi yang disifatkan berjaya berdasarkan kajian dan pelaksanaannya oleh Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) itu merupakan antara usaha mengurangkan kenaikan harga makanan haiwan ternakan.

"Penyelidikan UKM ini telah dilakukan dua tahun lalu, sudah diaplikasikan di Kedah dan bakal dilaksanakan di Selangor. Kaedah pelaksanaannya akan diperincikan dalam masa terdekat.

"Dengan kerjasama UKM, kita yakin dapat mengurangkan kos pengeluaran makanan khususnya harga makanan ayam kepada 70 sen sekilogram berbanding RM1.70 sekilogram pada masa ini," katanya kepada pemberita pada Majlis Rumah Terbuka Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) di sini pada Khamis.

Mengulas mengenai bekalan ayam, Izham berkata, rakyat Selangor tidak perlu khuatir berhubung perkara tersebut kerana ia masih terkawal terutama apabila kerajaan telah bersetuju untuk tidak mengenakan permit import (AP) bagi mengimport sebarang bahan makanan yang berkuat kuasa serta-merta.

Izham berkata, isu di Selangor adalah lebih terarah kepada masalah bekalan makanan ternakan dan bukannya hanya tertumpu kepada masalah bekalan ayam.

"Sebab itu, buat permulaan kita bekerjasama dengan Negeri Sembilan dalam mengusahakan tanaman jagung bijirin (untuk makan ayam)," katanya. - *Bernama*

## Kerajaan harus tingkatkan kapasiti pengeluaran makanan - Tze Tzin

**SHAH ALAM** - Kerajaan seharusnya meningkatkan kapasiti pengeluaran makanan bagi memenuhi keperluan 32 juta rakyat di negara ini.

Ahli Parlimen Bayan Baru, Sim Tze Tzin berkata, perkara ini dipanggil *'food sovereignty'* atau kedaulatan makanan.

"Kedaulatan makanan bertujuan meningkatkan kapasiti petani, nelayan, penternak kecil dan sederhana dalam negara untuk memenuhi keperluan makanan setempat.

"Dasar yang memansuhkan permit import (AP) walaupun nampak populis, tapi tidak akan menyelesaikan masalah kos makanan jika kerajaan tidak meningkatkan kapasiti pengeluaran makanan para petani, nelayan dan penternak domestik," katanya dalam satu kenyataan pada Khamis.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob sebelum ini menyatakan AP bekalan makanan tidak lagi diperlukan berkuat kuasa serta-merta.

Tze Tzin yang juga bekas Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menambah, pemansuhan AP itu sebenarnya tidak membawa kesan yang banyak.

Menurutnya, ini disebabkan AP makanan melibatkan lima jenis sahaja iaitu kobis bulat, kelapa tua biji, susu cair, keratan ayam dan beras.

"Pemansuhan AP import makanan tidak akan mencapai matlamat mengurangkan kos harga makanan sebab hanya melibatkan lima jenis makanan. Kerajaan harus memahami industri pertanian dan rantaian makanan," tegasnya.

Jelasnya, punca kenaikan harga makanan adalah disebabkan kebergantungan kepada pengimportan makanan.

"Malaysia mengimport RM55 bilion makanan pada tahun 2020. Apabila harga makanan antarabangsa naik, maka harga makanan Malaysia juga naik kerana kita import.

"Apabila ringgit Malaysia jatuh ke paras RM4.40 berbanding 1 dolar Amerika, harga makanan naik kerana kita bayar negara pengeluar dalam dolar. Kebergantungan keterlaluan terhadap import makanan adalah punca harga makanan naik," ujarnya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/5/2022 | SINAR HARIAN | MANSUH AP BAHAN MAKANAN | 4 |



MANSUH AP BAHAN MAKANAN

# Import beras masih perlukan AP

Empat jenis komoditi agromakanan sahaja tidak perlukan kelulusan kuota import

Oleh NAZRIN ZULKAFLI

SHAH ALAM

Empat jenis komoditi agromakanan sahaja tidak lagi dikenakan permit import (AP) atau kelulusan kuota import dan kebenaran mengimport.

Makanan tersebut ialah kubis bulat, kelapa tua biji, keratan ayam atau ayam bulat, serta susu cair.

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dalam satu kenyataan berkata, AP untuk pengimportan beras masih lagi berkuat kuasa.

"Walaupun AP tidak lagi diperlukan untuk membawa masuk komoditi agromakanan dari luar negara, pengimport masih perlu mempunyai Import Permit (IP) bagi tujuan kawalan biosekuriti di pintu-pintu masuk negara.

"Ini untuk memastikan kawalan biosekuriti dan produk yang diimport bebas daripada penyakit dan perosak serta diperoleh daripada loji yang diiktiraf kerajaan," kata kenyataan itu pada Khamis.

Keputusan pemansuhan AP bahan makanan diputuskan Jemaah Menteri seperti diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob pada Rabu.

Ismail Sabri mengumumkan bahawa AP bekalan makanan tidak lagi diperlukan berkuat kuasa serta-merta sebagai langkah bagi menjamin keselamatan dan bekalan makanan di negara ini.

Sementara itu MAFI berkata, dengan pemansuhan AP tersebut, semua syarikat dibenarkan mengimport semua komoditi agromakanan tertakluk kepada IP yang dikeluarkan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis).

"Ia berserta syarat-syarat yang tertulis dalam permit selaras dengan Subseksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) dan juga akta serta peraturan lain yang berkuat kuasa," katanya.

Menurut kenyataan itu lagi, MAFI akan terus memainkan peranan penting bagi memastikan kelangsungan sektor agromakanan di setiap peringkat rantaian makanan.

"Ia juga supaya rakyat terus mendapat bekalan makanan yang mencukupi, selamat dimakan dan berkhasiat. Pada masa sama, kebajikan pengeluar makanan tempatan juga akan terus dipelihara," jelasnya.



Kenyataan akhbar MAFI pada Khamis berhubung pemansuhan AP komoditi agromakanan.

## DPMM Kedah sambut baik tindakan segera kerajaan

ALOR SETAR – Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) Kedah menyambut baik keputusan kerajaan menghapuskan keperluan permit import (AP) bagi membawa masuk bahan makanan dari luar negara.



MOHD ZAYAD

Yang Dipertuanya, Datuk Mohd Zayad Md Ismail berkata, ia merupakan tindakan segera bagi memastikan bekalan makanan mencukupi.

Beliau berkata, keputusan itu juga boleh menangani isu kos sara hidup yang sukar untuk dielakkan ketika ini serta dapat menstabilkan harga di pasaran.

"Sistem AP untuk mengimport makanan sebelum ini dikhuatiri menjadi antara punca utama menyebabkan harga makanan asas melonjak.

"Ini boleh berlaku apabila AP ini hanya diberi kepada orang atau syarikat tertentu, yang mana boleh menghasilkan monopoli untuk mengawal harga makanan tempatan," katanya dalam satu kenyataan pada Khamis.

Mohd Zayad berkata, sistem AP yang digunakan sebelum ini juga dilihat hanya menguntungkan sebilangan kecil pihak, namun golongan berkenaan tidak menyumbangkan nilai tambah yang signifikan untuk sektor agromakanan negara.

Ujarnya, pihak berkenaan dilihat membuat 'untung atas angin' yang 'dibayar' rakyat.

"Disebabkan itu, pemansuhan AP ini akan mewujudkan pasaran lebih terbuka dan bebas, seterusnya membantu meningkatkan kecekapan ekonomi negara.

"Persaingan import dan pengembangan perniagaan akan menghasilkan kos lebih rendah untuk pengguna serta menyediakan lebih banyak pilihan untuk rakyat," jelasnya.

Sementara itu, beliau berkata, pasaran kompetitif juga akan mewujudkan persaingan harga yang lebih terbuka.

"Apabila penawaran dan permintaan sudah menjadi seimbang berikutan lebih ramai pemain industri terlibat, pastinya harga akan menurun kerana itu adalah hukum ekonomi.

"Sebaliknya, sikap memonopoli dalam ekonomi boleh mengekang pertumbuhan ekonomi. Sebarang bentuk pakatan atau sering disebut 'kartel' dalam pasaran boleh mewujudkan manipulasi harga," ujarnya.




## 'Isu kenaikan harga tetap tidak akan selesai'

SHAH ALAM - Langkah kerajaan memansuhkan keperluan permit import (AP) terhadap bahan makanan didakwa tidak menyelesaikan isu kenaikan harga disebabkan pengucupan bekalan dunia.



LUKMAN

Setiausaha Agung Parti Barisan Jemaah Islamiah Se-Malaysia (Berjasa), Ir Ts Lukman Al Hakim Mohamad berkata, keputusan itu hanya mampu menyelesaikan salah satu faktor kenaikan harga bahan makanan di Malaysia kerana dimonopoli kartel tertentu yang dilindungi kepentingannya.

Beliau berkata, isu kekurangan bekalan dari negara luar disebabkan peperangan, ketidakstabilan politik, kemelesetan ekonomi dan perubahan iklim dunia tetap tidak akan selesai.

Menurutnya, walaupun faktor itu berada di luar kawalan kerajaan, kerajaan sepatutnya membuat perubahan drastik terhadap polisi keselamatan makanan negara.

"Saya tahu ia tindakan tidak populis, mengambil masa dan tenaga yang lama untuk dilaksanakan, tapi inilah solusi jangka masa panjang yang rakyat perlukan.

"Bukannya pengumuman solusi cetek yang dibuat dalam satu mesyuarat kabinet secara tergesa-gesa.

"Hakikatnya kita tidak kekurangan tanah, tenaga kerja petani, penternak, infrastruktur dan dana kerajaan untuk memastikan sumber makanan asas dibekalkan secara domestik tanpa import," katanya dalam satu kenyataan pada Khamis.

Sementara itu, beliau berkata, apa yang kurang ialah tiada kehendak politik bagi merancang dan menjayakan wawasan berkenaan.

"Biarlah mengambil masa 10 tahun sekalipun, yang penting kita ada sasaran dan bergerak secara konsisten bagi mencapainya.

"Isu sekarang ialah kerajaan tidak mempunyai sebarang perancangan konkrit bagi mencapai 100 peratus *Self Sufficiency Ratio* (SSR) bagi semua makanan asas rakyat Malaysia," kata beliau.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/5/2022 | SINAR HARIAN | NEGERI KELANTAN | 28 |

# 183 kotak ayam sejuk beku seludup dirampas

**PASIR MAS** - Batalion 9 Pasukan Gerakan Am (PGA) Kuala Terengganu merampas 183 kotak ayam sejuk beku seludup bernilai RM30,240 dalam dua serbuan berasingan di sekitar daerah ini, pada Rabu.

Pegawai Pemerintah Medan Batalion 9 PGA, Deputi Superintendan Ismail Sidek berkata, rampasan pertama pada jam 2.30 pagi itu membabitkan 90 kotak ayam sejuk beku yang diseludup dari Thailand menggunakan laluan tidak diwarta kerajaan di Kampung Gebeng.

"Dalam serbuan kedua di Salor, PGA telah merampas 93 kotak ayam sejuk beku bernilai RM16,740.

"Rampasan itu dilakukan, selepas pihak kami melakukan pemeriksaan ke atas sebuah pacuan empat roda yang ditinggalkan dalam keadaan mencurigakan di kawasan tersebut," katanya.

Menurut Ismail, kes berkenaan diserahkan kepada Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) untuk tindakan lanjut.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/5/2022 | KOSMO | NEGARA | 18 |



SEBANYAK 90 kotak ayam sejuk beku yang dirampas di Kampung Gebeng, Pasir Mas kelmarin. – IHSAN PGA

# Lari tinggalkan 90 kotak ayam sejuk beku dari Thailand

**PASIR MAS** – Seorang penyeludup lari meninggalkan sebuah kenderaan pelbagai guna (MPV) yang membawa 90 kotak ayam sejuk beku selepas kegiatannya itu dikesan anggota Batalion 9 Pasukan Gerakan Am (PGA) di Kampung Gebeng di sini kelmarin.

Ayam sejuk beku bernilai RM13,500 itu dirampas dalam serbuan kira-kira pukul 2.30 pagi.

Pegawai Pemerintah Medan Batalion 9 PGA, Deputi Superintendan Ismail Sidek berkata, anggota bertugas melihat sebuah MPV jenis Toyota Unser yang dipandu dalam keadaan mencurigakan.

Menurutnya, menyedari kehadiran anggota PGA, pemandu MPV itu terus melarikan diri ke dalam kawasan semak berhampiran dengan lokasi tersebut.

"Anggota bertugas cuba mengesan lelaki itu, namun suspek hilang tanpa jejak. Pemeriksaan di dalam MPV berkenaan telah membawa kepada penemuan 90 kotak ayam sejuk beku yang dipercayai diseludup dari Thailand.

"Kita tidak menolak kemungkinan ayam sejuk beku itu dibawa masuk untuk dijual di pasaran tempatan," katanya di sini semalam.

Katanya, kesemua rampasan telah diserahkan kepada Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) untuk tindakan lanjut.

Dalam perkembangan lain, menurut Ismail, Batalion 9 PGA turut berjaya mematahkan satu lagi cubaan menyeludup ayam sejuk beku selepas melakukan pemeriksaan terhadap kenderaan sebuah pacuan empat roda yang ditinggalkan dalam keadaan mencurigakan di hadapan sebuah bangunan di Salor.

Ujarnya, hasil pemeriksaan yang dilakukan pada pukul 4.30 petang kelmarin itu, PGA telah menjumpai 93 kotak ayam sejuk beku bernilai RM16,740.

Tambahnya, kedua-dua kes disiasat mengikut Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/5/2022 | BERITA HARIAN | ONLINE | |

# Bina model perladangan terbaik jamin sekuriti makanan negara



Penyelidikan dan pembangunan berkaitan industri ruminan perlu dipergiatkan lagi sehingga ke tahap pengkomersialan. - Foto hiasan

Pandemik COVID-19, pemanasan global dan terbaru, krisis Russia-Ukraine memberi kesan terhadap jaminan keselamatan makanan dunia. Ketidakstabilan situasi global ini pasti memberi kesan terhadap negara yang masih banyak bergantung kepada sumber luar.

Beberapa kesan juga dirasai rakyat disebabkan kekurangan stok bekalan makanan seperti daging dan telur ayam serta kenaikan harga barang mentah dan makanan semakin membimbangkan.

Baru-baru ini, India yang menjadi pengeluar gandum kedua dunia dilapor memberhentikan eksport akibat gelombang pemanasan dunia dan dikeruhkan lagi dengan krisis Russia-Ukraine.

Langkah itu diambil untuk memastikan bekalan makanan domestik tidak terputus, tetapi mengundang gangguan kekurangan bekalan gandum kepada negara mengimportnya.

Selain itu, Ukraine dan Russia antara dua pengeluar utama gandum, soya serta jagung terbesar dunia sehingga krisis antara kedua-dua negara menyebabkan harga komoditi meningkat kerana permintaan tinggi, tetapi bekalan berkurangan. Bahan komoditi itu juga diperlukan sebagai sumber makanan (dedak) kepada haiwan ternakan seperti lembu, kambing dan ayam.

Malaysia sudah pun mengalami kerugian akibat COVID-19, kini krisis Russia-Ukraine menggugat kestabilan bekalan makanan ternakan ruminan. Kestabilan bekalan makanan negara termasuk untuk haiwan berada pada tahap membimbangkan disebabkan kebergantungan terlalu tinggi terhadap sumber import.

Sehingga kini, negara masih tidak mencapai tahap sara diri mencukupi kepada keperluan rakyat Malaysia untuk daging ruminan dan susu.

Sasaran sekurang-kurangnya 50 peratus tahap sara diri bagi daging ruminan masih belum berjaya. Industri ruminan negara juga masih terumbang-ambing dan bergelut dengan isu kenaikan harga dedak, kos operasi serta ancaman wabak penyakit haiwan ternakan. Natijahnya, pengusaha kecil tidak mampu bertahan dan gulung tikar.

Realitinya, keselamatan dan kesejahteraan negara bukan sahaja boleh digugat dalam bentuk peperangan, bahkan diancam masalah kekurangan bekalan dan sekatan makanan.

Makanan adalah sumber asasi penting kepada kehidupan sehingga sebarang krisis makanan berlaku, pulangan sosial, iaitu kestabilan dan keamanan negara akan terjejas.

Oleh itu, dasar sekuriti makanan negara terutama berteraskan daging ruminan harus diperkukuh. Malah, data tahap sara diri dikeluarkan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI)

menunjukkan trend penurunan dengan pengeluaran daging ruminan tempatan lembu/kerbau hanya mencapai 22.28 peratus dan daging kambing/bebiri (11.84 peratus tahap sara diri) pada 2019 berbanding kadar dicatatkan masing-masing, 25.28 peratus serta 12.73 peratus pada 2014.

Mekanisme penetapan harga daging ruminan perlu dilakukan dengan kaedah menang-menang bagi kepentingan semua pihak iaitu penternak, peniaga dan pengguna.

Justeru, data mengenai kos membesarkan anak lembu atau kambing sehingga sampai saiz sesuai untuk sembelihan perlu diperoleh.

Data mengenai nisbah penukaran makanan (FCR), iaitu merujuk jumlah berat kering dedak diperlukan untuk menghasilkan sekilogram daging boleh dijadikan rujukan dalam penetapan harga daging ruminan tempatan.

Selain itu, kualiti dedak, diet tambahan dan amalan penternakan baik dalam mencegah penyakit pada ternakan ruminan boleh diambil kira dalam kos operasi. Ini untuk mengelak kerugian besar sehingga gulung tikar terutama kepada penternak, pemborong dan penggiat perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

Dengan tambahan gelombang pemanasan global, krisis Russia-Ukraine yang belum selesai dan kenaikan kadar inflasi, adakah mereka dapat menyerap kos operasi serta harga import dedak tinggi?

Jika dibuat perkiraan teliti, kos sebenar produksi untuk seekor ruminan dan kos membesarkan ruminan pedaging dapat diketahui. Selain jaminan keselamatan makanan, kebergantungan kepada daging ruminan import tidak membantu menstabilkan harga, sebaliknya mengganggu industri ruminan tempatan.

Penternak kecil dan sederhana juga berpotensi untuk gulung tikar. Tambahan pula, kualiti daging import kurang segar jika diambil kira proses masa diambil dari ladang di negara luar dan diimport ke negara ini berbanding daging tempatan.

Justeru, Malaysia perlu meningkatkan kemahiran dan produktiviti penternak kerana mereka tulang belakang kepada pengeluaran makanan berasaskan daging dan susu sejak dahulu. Negara perlu membina model contoh ladang ternakan terancang dan berteknologi tinggi terbukti berjaya untuk menjadi ikutan penternak.

Ini juga boleh menggalakkan minat anak muda untuk menceburi bidang penternakan. Semakin ramai menceburi bidang ini dan berjaya, semakin baik untuk jaminan bekalan daging ruminan tempatan pada masa depan.

Penyelidikan dan pembangunan (R&D) berkaitan industri ruminan perlu dipergiatkan lagi sehingga ke tahap pengkomersialan. Sebagai contoh, R&D dalam penghasilan dedak haiwan berasaskan sumber tempatan seperti daripada pelepah kelapa sawit dan daun nanas.

Kebiasaannya bahagian pelepah kelapa sawit dan daun nanas dibuang atau dibiarkan kering di ladang. Namun jika diolah, sisa pertanian berkenaan mampu dijadikan dedak. Penambahbaikan dari semasa ke semasa diperlukan.

Wabak penyakit seperti hawar berdarah dan brucella antara ancaman kepada penternak industri ruminan. Masalah kecacingan dan kerintangan banyak penyakit terhadap ubat-ubatan sedia ada juga antara masalah perlu ditangani kerana ia mengganggu produksi daging dan susu tempatan.

Malaysia mempunyai kemampuan menghasilkan dedak untuk haiwan ternakan ruminan dan vaksin sendiri. Justeru, kerjasama antara universiti, institut, agensi swasta, penggerak industri serta penternak perlu dilakukan.

Negara tidak mempunyai pilihan, selain lebih bersiap sedia menghadapi dan menyelesaikan krisis industri ternakan ruminan sebelum terlambat kerana ia berkaitan jaminan keselamatan makanan negara yang menjadi tunjang negara.

Bagaimana negara mengharungi dan mendepani wabak pandemik COVID-19 mungkin boleh dijadikan rujukan.

Pemilihan pemimpin kompeten dan cekap serta terbukti kepakarannya dari segi teori serta lapangan berkaitan industri ruminan sangat penting. Ia akan menentukan kejayaan dan hala tuju industri ruminan mampan.

Aspek pengeluaran makanan asasi membabitkan pelbagai sektor baik penternakan atau pertanian perlu diberi keutamaan segera untuk mengelak krisis lebih membimbangkan dan berpanjangan.

Justeru, pelan strategik perlu dirangka dan disepakati semua pemegang secara kolektif bagi menangani industri ternakan ruminan ini kerana ia sekuriti makanan negara.

Jaminan keselamatan makanan baik mampu memastikan kelangsungan ekonomi dan kesejahteraan masyarakat. Menjadi harapan agar situasi ini dapat diselesaikan dengan segera serta diberi perhatian semua bagi mengelakkan krisis kemanusiaan dan kebuluran.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/5/2022 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 17 |

# Tengku Permaisuri Selangor mahu individu zalimi haiwan dihukum

**Shah Alam:** Tengku Permaisuri Selangor Tengku Permaisuri Norashikin menzahirkan perasaan sangat kecewa ekoran masih ada individu yang tidak berperikemanusiaan dan tergamak berlaku kejam terhadap haiwan secara terbuka.

Baginda yang juga Penaung Diraja Program Stray Free Selangor (SFS) menzahirkan perasaan amat sedih dan dukacita susulan beberapa kejadian terbaru yang membabitkan kezaliman terhadap haiwan peliharaan dan terbiar.

Susulan itu, Tengku Permaisuri Selangor menggesa agar pihak berwajib melakukan siasatan sehingga pelakunya dapat dikenal pasti dan dihadapkan ke muka pengadilan.

"Masyarakat yang mempunyai maklumat atau menyaksikan kejadian seumpamanya supaya segera melaporkan kepada pihak berkuasa," titah Tengku Permaisuri Norashikin menerusi kiriman di Facebook Selangor Royal Office, semalam.

Baginda turut mengingatkan bahawa kezaliman terhadap haiwan boleh dikenakan tindakan di bawah Akta Kebajikan Haiwan 2015 yang memperuntukkan beberapa seksyen khusus iaitu Seksyen 29 untuk penganiayaan haiwan, Seksyen 30 (pembunuhan haiwan) dan Seksyen 31 (pemberian racun).

Susulan itu Tengku Permaisuri Norashikin menyeru ahli masyarakat agar lebih prihatin, mempunyai perasaan belas kasihan dan terus menyemai sifat empati dan perikemanusiaan serta sayangkan haiwan peliharaan dan terbiar.

Permaisuri Selangor juga berharap kebajikan haiwan ini sentiasa diberi perhatian terutamanya keperluan persekitaran yang sesuai, dilindungi daripada ancaman penyakit serta keperluan mempamerkan corak kelakuan semula jadi.

"Masyarakat dan sukarelawan penyelamat haiwan juga perlu memandulkan (neuter) kucing dan anjing terbiar agar haiwan ini tidak membiak dalam persekitaran tidak sesuai," titah baginda. BERNAMA



*Tengku Permaisuri Norashikin menyeru masyarakat menyayangi haiwan peliharaan dan terbiar.* (Foto Ihsan Selangor Royal Office)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/5/2022 | SINAR HARIAN | NEGERI SELANGOR | 24 |

# Permaisuri Selangor gesa individu zalimi haiwan disiasat

**SHAH ALAM** - Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin Abdul Rahman menggesa pihak berwajib supaya menyiasat individu yang menzalimi haiwan peliharaan dan terbiar untuk dihadapkan ke muka pengadilan.

Baginda menerusi satu hantaran di Facebook Selangor Royal Office menzahirkan rasa amat sedih dan dukacita susulan beberapa kejadian baru-baru ini yang dilaporkan oleh media membabitkan kezaliman terhadap haiwan peliharaan dan terbiar.

Baginda yang juga Penaung Diraja Program Stray Free Selangor (SFS) di bawah kendalian Persatuan Kebajikan dan Perlindungan Haiwan (SPCA) Selangor menzahirkan rasa kecewa terhadap insan tidak berperikemanusiaan yang tergamak berlaku kejam terhadap haiwan secara terbuka.

Sehubungan itu, baginda menyarankan masyarakat yang mempunyai maklumat kejadian seumpamanya supaya segera membuat laporan kepada pihak berkuasa.

"Kezaliman terhadap haiwan boleh dikenakan tindakan di bawah Akta 772 iaitu Akta Kebajikan Haiwan 2015. Ia memperuntukkan beberapa seksyen khusus bagi kesalahan-kesalahan tersebut iaitu Seksyen 29 untuk penganiayaan haiwan, Seksyen 30 (pembunuhan haiwan), Seksyen 31 (pemberian racun).

"Mereka yang didapati bersalah boleh didenda tidak kurang RM20,000 dan tidak melebihi RM100,000 atau penjara tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya," titah baginda pada Khamis.

Baginda juga menggesa masyarakat dan para sukarelawan penyelamat haiwan supaya mengembiri haiwan tersebut agar agar mereka tidak membiak dalam persekitaran tidak sesuai.

FOTO: FB SELANGOR ROYAL OFFICE



Tengku Permaisuri Norashikin menggesa mana-mana pihak yang menyaksikan perbuatan kejam terhadap haiwan peliharaan dan terbiar untuk melaporkan segera kepada pihak berkuasa.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/5/2022 | HARIAN METRO | LOKAL | 24 |

# Harga lembu korban dijangka naik 40%

**Seremban:** Umat Islam yang mahu melakukan ibadah korban ternakan tahun ini dijangka berdepan kenaikan harga antara 35 hingga 40 peratus susulan peningkatan kos operasi ditanggung penternak.

Pengerusi Persatuan Usahawan Ruminan Negeri Sembilan (PURNS), Maarif Maarof, berkata penternak menghadapi pelbagai kenaikan kos operasi ternakan lembu terutama bahan makanan iaitu dedak selain ubat-ubatan yang tinggi.

Katanya, harga seekor lembu ketika ini sudah meningkat sekurang-kurangnya RM5,200 berbanding tahun lalu di bawah RM5,000 seekor.

"Kami menjangkakan kadar kenaikan harga korban ternakan antara 35 hingga 40 peratus. Berbanding tahun lalu, satu bahagian korban mungkin antara RM650 hingga RM700, tetapi tahun ini mencecah antara RM750 hingga RM850 bagi satu bahagian.

"Kami tidak boleh mengelakkan kenaikan harga itu kerana penternak berdepan kenaikan kos operasi yang tinggi terutama aspek bahan makanan serta ubat-ubatan ternakan.

> "Tidak boleh elak kenaikan harga itu kerana penternak berdepan kenaikan kos
> Maarif

"Harga makanan ternakan naik mendadak dan penternak terpaksa menyerap segala kos itu dengan menaikkan harga lembu korban tahun ini," katanya, semalam.

Sementara itu, Pengarah Urusan Sumobek Sdn Bhd, Mohd Nasir Samat, berkata pihaknya terpaksa menaikkan kadar lembu korban kerana stok yang diterima daripada pembekal tinggi.

Beliau berkata, kenaikan itu tidak dapat dielakkan berikutan kekurangan bekalan haiwan berkenaan dan kos penternakan yang mahal selain permintaan tinggi lembu pada masa ini.

"Secara purata harga seekor lembu sudah mencecah lebih RM5,200 seekor. Selain harga makanan yang meningkat, saya turut menghadapi kesukaran membeli lembu kerana kebanyakan penternak tidak mahu menjual ternakan mereka ekoran kenaikan harga sawit," katanya.

Mohd Nasir berkata, permintaan terhadap lembu korban tetap ada namun pihaknya terpaksa menyediakan ternakan itu yang bersaiz lebih kecil sesuai dengan kemampuan pelanggan.

# 'Hanya 18% dari loji sembelihan TFI'

**Kuala Lumpur:** Hanya 18 peratus kebergantungan bekalan daging import negara dari loji sembelihan Thomas Foods International (TFI) Lobethal, Australia yang didakwa berlaku pelanggaran prosedur operasi standard (SOP) keselamatan makanan, kebersihan dan piawaian halal.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Datuk Idris Ahmad berkata, pihaknya masih mendapatkan bukti bagi menyelesaikan dakwaan kes terbabit dan tidak berkompromi berhubung aspek halal dan haram.

"Ada 16 loji (sembelihan) di sana dengan 15 daripada beroperasi... syarikat yang disebut itu lebih kurang 18 peratus menjadi pengeksport ke tempat kita.

"Kalau mengikut apa yang didedahkan, kata banyak, lebih daripada itu tapi mengikut fakta diberikan pegawai atase kita di sana, ia adalah 18 peratus," katanya kepada pemberita, di sini semalam.

Terdahulu Idris merasmikan Kongres Nasional Islam, Keluarga Malaysia dan Keharmonian: Membina Agenda Kalis Cabaran Masa Depan.

Sebelum ini media melaporkan, Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) bersama Pertubuhan Kemasyarakatan Rakyat (Pekemas) dan Sababat 99 mendedahkan perlanggaran SOP penyembelihan halal oleh TFI mendapat kelulusan dari Badan Induk Halal Jabatan Kemajuan Islam (Jakim).

Presiden Pekemas, Falzan Mohd Nor dilaporkan berkata, pendedahan berhubung isu pelanggaran SOP penyembelihan halal di Australia berdasarkan kepada bukti video dan gambar serta diperkukuhkan saksi (Abdullah) yang dikatakan pekerja sembelihan di TFI.

Setakat ini, Jakim sudah menggantung kelulusan loji sembelihan TFI, Australia berkuat kuasa serta merta, sehingga hasil siasatan yang menyeluruh diperoleh.

Pada masa sama, ketika ditanya mengenai bekalan yang sudah terlepas ke negara ini, Idris berkata, pihaknya tidak boleh memberikan jaminan tindakan lebih serius akan diambil.

"Berkenaan daging sudah sampai, tidak boleh memberikan jaminan yang kita ambil tindakan itu setakat ini, kita gantung kelulusan loji terbabit," katanya.

Idris berkata, Jakim masih berusaha menjejaki pemberi maklumat yang dikenali sebagai 'The Hood Man' (Abdullah) melalui PPIM yang kini masih belum dapat dikesan.

Katanya, pihaknya meminta supaya pemberi maklumat memberikan kerjasama untuk Jakim mendapatkan maklumat sahih secara terus dan bukannya melalui pihak kedua.

"Kalau ikut maklumat ada pegawai dapat menghubungi beliau dan dikatakan akan menghubungi kita semula tetapi sampai sekarang tidak hubungi semula.

"Kalau ikutkan maklumat pemberi maklumat itu adalah orang Somalia kerana yang penting kita nak informasi yang lengkap," katanya.



| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/5/2022 | NST | NATION/NEWS | 8 |

ALLEGED BREACH OF SLAUGHTERING S.O.P.

# ONLY 18PC OF IMPORTED BEEF FROM AUSSIE FIRM, SAYS IDRIS

## Minister says authorities seeking more evidence, urges informant to come forward

SUZALINA HALID
**KUALA LUMPUR**
news@nst.com.my

ONLY 18 per cent of beef imported into the country comes from the Thomas Foods International (TFI) Lobethal abattoirs in Australia, which allegedly breached slaughtering standard operating procedures, food safety, hygiene and halal standards.

Minister in the Prime Minister's Department (Religious Affairs) Datuk Idris Ahmad yesterday said efforts to obtain more evidence to resolve the issue were ongoing and there was no compromise on halal requirements.

"There are 16 abattoirs, of which 15 are operational. The company exports about 18 per cent to us.

"If we were to follow what was exposed, it would be likely be more than that.

"But according to the facts provided by our attaché there, it is 18 per cent."

The Malaysian Muslim Consumers Association (PPIM), Pertubuhan Kemasyarakatan Rakyat (Pekemas) and Sahabat 99 had raised allegations of SOP violation by TFI, which was approved by the Department of Islamic Development Malaysia (Jakim) to export beef to the country.

Pekemas president Faizan Mohd. Nor said the alleged SOP breaches were based on video evidence and photographs, and corroborated by a witness, said to be a TFI abattoir employee.

Jakim suspended TFI's slaughtering approval until the results of a probe were obtained.

Asked if the supply of beef from the abattoirs had reached Malaysia, Idris said he was not sure about supplies that had arrived prior to the suspension.

Idris said Jakim was tracking the informant, known only as The Hood Man, who had tipped off PPIM.

He urged the informant to cooperate with Jakim so verified information could be directly obtained instead of from a second party.

"According to the information, there was an officer who managed to contact him and said that he would call us back, but we have not heard from him.

"The informant is said to be a Somalian and we want complete information from him."



*Datuk Idris Ahmad*

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/5/2022 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 31 |

Kesemua haiwan berisiko dijangkiti wabak demam babi Afrika

# Ke mana menghilang 2,000 ekor babi dari 19 ladang haram?

FOKUS

Oleh BADRUL HAFIZAN MAT ISA
badrul.isa@mediamulia.com.my

SELEPAS kira-kira 2,000 ekor babi dari 19 buah ladang haram di Kampung Baru Site A, Tanah Merah, Lukut, Port Dickson dikatakan hilang pada hujung bulan lalu, tiada lagi sebarang perkembangan mengenai perkara itu diperoleh.

Sama ada ia telah lebih awal dibawa keluar dari ladang-ladang berkenaan ataupun pemilik ladang telah mengambil tindakan menyembelih babi berkenaan yang kemudian dijual juga tidak diketahui kebenarannya.

Kesemua babi tersebut mempunyai risiko dijangkiti wabak Demam Babi Afrika (ASF) kerana ladang-ladang berkenaan terletak berhampiran sebuah ladang yang disahkan dijangkiti wabak berkenaan sebelum itu.

Kesemua 275 ekor babi di ladang yang dijangkiti telahpun dilupuskan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Sembilan (JPVNS) menggunakan kaedah penggunaan gas karbon dioksida ($CO_2$) berkepekatan tinggi.

Belum sempat untuk sampel-sampel darah babi tersebut diambil bagi mengesan kehadiran wabak ASF di 19 buah ladang berkenaan, ia pula dilaporkan hilang.



LADANG babi yang dijangkiti wabak ASF di Kampung Baru Site A, Tanah Merah, Lukut, Port Dickson.

Berdasarkan kenyataan Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri Sembilan, Datuk Bakri Sawir, seperti yang dilaporkan media, masih ada aktiviti penyembelihan babi dijalankan di ladang tidak berlesen berkenaan hasil lawatan mengejut pegawai Jabatan Perkhidmatan Veterinar negeri (JPVNS).

Sebelum itu, beliau sendiri memaklumkan ladang-ladang ternakan babi tidak berlesen tersebut telah pun kosong dan kesemua babi berkenaan dipercayai dibawa keluar ke lokasi yang tidak diketahui tanpa pengetahuan pihak berkuasa.

Bagaimanapun, kedua-dua langkah tersebut dilihat paling berkemungkinan dan logik untuk diambil oleh pemilik ladang bagi mengelakkan mereka mengalami kerugian besar sekiranya ternakan itu dilupuskan sekiranya didapati turut dijangkiti wabak ASF.

Namun, apa yang menimbulkan persoalan, belum ada kedengaran tindakan undang-undang diambil terhadap pemilik-pemilik ladang berkenaan malah tiada laporan polis diterima berkenaan kejadian kehilangan kesemua babi tersebut.

Perkara tersebut malahan turut disahkan oleh Ketua Polis Daerah Port Dickson Superintenden Aidi Sham Mohamed ketika dihubungi *Utusan Malaysia*, semalam.

Bukan mahu menimbulkan keraguan mengenai perkara tersebut, tetapi gesaan untuk pihak JPVNS membuat laporan polis turut telah disuarakan oleh Bakri malah oleh Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Aminuddin Harun.

Walaupun wabak ASF itu tidak menjangkiti dan memberi kesan kesihatan kepada manusia, ia mendedahkan pula kelemahan dalam aspek penguatkuasaan pihak bertanggungjawab.

Kelemahan tersebut termasuklah bagaimana kesemua babi berkenaan boleh lesap begitu sahaja tanpa dapat disedari selain bagaimana ladang-ladang penternakan babi tanpa lesen itu boleh beroperasi meskipun kawasan berkenaan sudah lama tidak dibenarkan untuk sebarang aktiviti penyembelihan dan penternakan babi.

Ia susulan penularan Virus Nipah pada tahun 1999 di Mukim Jimah, Port Dickson yang dilapor meragut seramai 108 nyawa terdiri daripada penternak babi dan ahli keluarga.

Difahamkan, pihak JPVNS pernah memberikan amaran dan mengeluarkan saman namun penternak-penternak tanpa lesen tersebut tetap berdegil dan meneruskan operasi mereka.

Apa juga alasan diberikan, kelemahan penguatkuasaan perlu diakui, sekiranya tindakan tegas diambil sejak dari awal, apa yang terjadi hari ini tidak akan berlaku. Sememangnya dalam apa juga aktiviti penguatkuasaan, tindakan amaran dan saman sudah tidak laku dalam menggentarkan pelaku.

BERITA COVID-19 AS dijangkiti COVID-19 | Filipina kesan jangkitan tempatan subvarian Omicron BA.2.12.1 | 30 peratus kanak-kan




AM

# Bantuan RM200 kepada pesawah untuk enam bulan sementara tunggu hasil tuaian - PM




Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berucap pada Majlis Makan Malam dan Perasmian Mesyuarat Agung Tahunan NAFAS ke-48 di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur.

19/05/2022 12:22 AM

ADVERTISEMENT

KUALA LUMPUR, 18 Mei (Bernama) – Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob hari ini mengumumkan kerajaan bersetuju memberi bantuan bulanan RM200 untuk enam bulan kepada pesawah sementara menunggu hasil tuaian.

Beliau berkata bantuan itu telah dibincangkan bersama dengan Kementerian Kewangan dan akan dimasukkan dalam Belanjawan 2023 yang dijangka dibentang pada Oktober ini.

"Sebanyak RM200 untuk tiga bulan untuk dua musim iaitu enam bulan bagi membantu mereka sementara menunggu padi dituai," katanya ketika berucap pada Majlis Makan Malam dan Perasmian Mesyuarat Agung Tahunan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) Ke-48 di sini malam ini.

Ismail Sabri berkata sebelum ini, penoreh getah mendapat bantuan musim tengkujuh kerana tiada pendapatan selama tiga bulan iaitu pada November, Disember dan Januari.

"Masa tu saya Menteri (ketika menerajui Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah) dan nelayan juga terima elaun daripada RM200 kepada RM300 termasuk nelayan darat. Saya terkejut pesawah tak dapat," katanya.

Keuntungan bersih suku pertama Malaysia Smelting Corp meningkat kepada RM64.34 juta




Untung bersih suku ketiga Dialog susut kepada RM133.07 juta

## Lagi Berita



Sukan SEA: Jadual atlet Malaysia pada Khamis, 19 Mei



Berita Ringkas Sukan SEA ke-31



Carta pingat Sukan SEA ke-31 berakhir 18 Mei

**BERNAMA**

**Pertubuhan Berita Nasional Malaysia**
Wisma BERNAMA
No.28 Jalan BERNAMA
Off Jalan Tun Razak
50400 Kuala Lumpur
Malaysia

+603-2693 9933 (Talian Am)
helpdesk[at]bernama.com

**Kategori**
- Am
- Ekonomi
- Pasaran
- Tenaga
- Sukan
- Politik
- B Fokus
- Rencana
- Dunia
- Nam News Network (NNN)
- Tinta Minda
- Infografik

**Laman Mikro**
- BAJET 2022
- Kesihatan
- Webinar

**Wilayah**
- Tengah
- Utara
- Selatan
- Timur
- Sabah
- Sarawak

**Lain-lain**
- Laman Korporat
- Hubungi Kami
- Produk dan Perkhidmatan
- Kerjaya@BERNAMA
- Sebutharga / Tender

BERITA COVID-19 ina kesan jangkitan tempatan subvarian Omicron BA.2.12.1 | 30 peratus kanak-kanak di Malaysia lengkap vaksir




AM

# Hapuskan peranan orang tengah dalam sektor pertanian - PM




Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob menghadiri Majlis Makan Malam dan Perasmian Mesyuarat Agung Tahunan NAFAS ke-48 di Pusat Dagangan Dunia (WTC) Kuala Lumpur malam ini. Turut hadir Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee.

18/05/2022 11:50 PM

ADVERTISEMENT

KUALA LUMPUR, 18 Mei (Bernama) – Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob menggesa agar budaya 'orang tengah' dalam sektor pertanian dan rangkaian bekalan makanan dihapuskan bagi mengawal kos sara hidup yang meningkat antara lain akibat kenaikan kadar inflasi.

Beliau berkata orang tengah merupakan pihak yang memerah keringat petani dan nelayan selain memanipula:

FDC Servers CDN
by fdcservers.net
SEE OFFERS

Perdana Menteri berkata beliau sendiri pernah mengisytiharkan 'jihad memerangi orang tengah' pada 2014 ke

Tani.




"Jihad ini perlu diteruskan oleh NAFAS (Pertubuhan Peladang Kebangsaan) menerusi strategi penguasaan

Padi, Pusat Pengumpulan Buah-Buahan, penambahan pasar tani serta pasar nelayan," katanya.

Ismail Sabri berkata demikian ketika berucap pada majlis makan malam sebelum merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan NAFAS Ke-48 di sini malam ini yang turut dihadiri Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee.

Perdana Menteri berkata inflasi makanan merupakan fenomena global akibat gangguan rantaian bekalan berpunca daripada pandemik COVID-19 yang mengekang kegiatan pertanian sekali gus mengurangkan eksport dan keadaan bertambah buruk apabila berlaku peperangan Rusia-Ukraine.



Pasaran import makanan terbuka akan tingkatkan kecekapan ekonomi Malaysia - Ahli ekonomi




MOTAC bakal anjur Rumah Terbuka Malaysia Aidilfitri 2022 di Terengganu

**Lagi Berita**




Sukan SEA: Jadual atlet Malaysia pada Khamis, 19 Mei



Berita Ringkas Sukan SEA ke-31



Carta pingat Sukan SEA ke-31 berakhir 18 Mei

## BERNAMA

**Pertubuhan Berita Nasional Malaysia**

Wisma BERNAMA
No.28 Jalan BERNAMA
Off Jalan Tun Razak
50400 Kuala Lumpur
Malaysia

+603-2693 9933 (Talian Am)
helpdesk[at]bernama.com

**Kategori**

- Am
- Ekonomi
- Pasaran
- Tenaga
- Sukan
- Politik
- B Fokus
- Rencana
- Dunia
- Nam News Network (NNN)
- Tinta Minda

**Laman Mikro**

- BAJET 2022
- Kesihatan
- Webinar

Wilayah

Lain-lain

FDC Servers CDN
by fdcservers.net
SEE OFFERS



| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/5/2022 | UTUSAN BORNEO | ONLINE | |


# Bantuan RM200 kepada pesawah untuk enam bulan sementara tunggu hasil tuaian



KUALA LUMPUR: Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob hari ini mengumumkan kerajaan bersetuju memberi bantuan bulanan RM200 untuk enam bulan kepada pesawah sementara menunggu hasil tuaian.

Beliau berkata bantuan itu telah dibincangkan bersama dengan Kementerian Kewangan dan akan dimasukkan dalam Belanjawan 2023 yang dijangka dibentang pada Oktober ini.

"Sebanyak RM200 untuk tiga bulan untuk dua musim iaitu enam bulan bagi membantu mereka sementara menunggu padi dituai," katanya ketika berucap pada Majlis Makan Malam dan Perasmian Mesyuarat Agung Tahunan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) Ke-48 di sini malam Rabu.

Ismail Sabri berkata sebelum ini, penoreh getah mendapat bantuan musim tengkujuh kerana tiada pendapatan selama tiga bulan iaitu pada November, Disember dan Januari.

"Masa tu saya Menteri (ketika menerajui Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah) dan nelayan juga terima elaun daripada RM200 kepada RM300 termasuk nelayan darat. Saya terkejut pesawah tak dapat," katanya.

Semasa membentangkan Belanjawan 2018, kerajaan telah mengumumkan bantuan bulanan RM200 kepada pesawah dalam tempoh tiga bulan sementara menunggu hasil tuaian.

Mengulas isu kawalan harga ayam dan telur di negara ini, Ismail Sabri mengesyorkan NAFAS menguasai sepenuhnya rantaian pengeluaran bekalan bahan makanan itu supaya dapat membantu kerajaan dan mengelak daripada 'diugut' oleh pengeluar bekalan berkaitan harga.

"Saya setuju NAFAS menguasai rantaian pengeluaran ayam yang bukan sahaja daripada ayam tetapi anak ayam malah makanan ayam juga, dan saya harap rantaian ini dikuasai NAFAS.

"Ahli NAFAS juga mencukupi, ada sejuta dan boleh masuk pasaran (pengeluar bekalan ayam) dan saya sudah beritahu menteri bahawa kita (kerajaan) tidak boleh biarkan (diri) sentiasa diugut pengeluar ayam sebab itu, saya minta NAFAS dan pengeluar pasaran ayam ini dikuasai oleh kita supaya tidak diugut oleh pihak tidak bertanggungjawab," katanya.

Ismail Sabri turut mengumumkan bahawa kerajaan melalui Kementerian Pertanian dan Industri Makanan meluluskan peruntukan RM4.47 juta daripada Tabung Bencana Pertanian bagi membantu 29 Pertubuhan Peladang dan 483 ahli yang terjejas akibat bencana alam tahun ini.

"Peruntukan Pembangunan Semula Projek Agromakanan ini akan disalurkan melalui Lembaga Pertubuhan Peladang di tujuh negeri iaitu Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Pahang, Kelantan dan Terengganu," katanya.

Pada majlis itu, NAFAS mengumumkan agihan kadar dividen sebanyak lapan peratus bagi Skim Pelaburan Khas Peladang (SPKP) Dana Peladang Kebangsaan (DPK) untuk tahun kewangan berakhir Disember 2021.

Pengagihan itu membabitkan jumlah pembayaran RM8.5 juta yang akan memberi manfaat kepada hampir 6,000 pelabur dalam kalangan ahli peladang dan dibayar pada Jun ini.

Turut hadir Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee dan Pengerusi Jemaah Pengarah NAFAS Datuk Zamri Yaakob. - BERNAMA




罗纳建迪（左起）在依斯迈沙比利见证下，颁发447万6485令吉的模拟支票给国家农民组织董事局代表，作为重新发展食品工业计划（PPSPA）的拨款。右一为赞里。（黄志汉摄）

# 如漁民膠工 農民同獲補貼

## 首相：將納入明年財案

（吉隆坡18日讯）首相拿督斯里依斯迈沙比利宣布，农民也会像渔民和割胶工人一样获得政府补贴，而这项政策将会纳入在10月宣布的2023年财政预算案中。

他说，这是国家农民组织主席拿督赞里刚刚提出的要求，即让农民在雨季时，也能够如同割胶工人一般获得政府补贴。

### 雨季3个月 每月补贴200

针对将纳入2023年财政预算案的政策，他补充："经过与财政部长讨论后，对于暂时等待收割的农民，会在雨季内，获得每月200令吉，持续3个月的补贴。"

依斯迈今晚在国家农民组织（NAFAS）第48届代表大会开幕礼及晚宴上致词时表示，其中给予渔民在渔获减少时的补贴，也从每月200令吉提高至300令吉。

另外，他希望农民成为肉鸡生产者，帮助政府免受肉鸡垄断集团的威胁，而政府已经拨出7亿令吉，确保鸡肉价格不会上涨。

他表示，如果国家农民组织欲成为肉鸡生产者，也可以向农业部申请补贴，相关补贴为每公斤1令吉40仙。

出席者还有农业及食品工业部长拿督斯里罗纳建迪、副部长拿督斯里阿末韩沙和拿督聂扎瓦威、秘书长哈丝琳娜。

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/5/2022 | NST | NATION/NEWS | 7 |

RISING COST OF LIVING

# Consumers upset, traders claim they are also feeling the pinch

**KUALA LUMPUR:** As traders raise the prices of food, consumers are forced to adopt a prudent lifestyle.

The traders, however, claimed that despite imposing higher prices and subsequently having to deal with unhappy customers, they were still incurring losses.

Sulaiman Mahdin, 60, who sells local and imported beef at the Chow Kit wet market, said he had no choice but to pay whatever amount charged by his suppliers.

"Almost everything at the market these days is being sold at higher prices. Traders who get their supplies from the middlemen will suffer as they have to pay more and make less profit. There are days traders can only break even.

"Previously, imported beef was sold at RM12 per kg. Nowadays, the price is between RM15 and RM17 per kg. We can't do anything but to raise our prices as well.



*A woman buying chicken at the Chow Kit market in Kuala Lumpur recently.* PIC BY

"Our hands are tied. It is either we comply or risk not having anything to sell by the end of the day," he told the *New Straits Times*.

Sulaiman, who owns a butcher stall called Man and Meats at the wet market for the last 40 years, said, he chose to maintain the usual prices for his products to ensure that his customers would keep coming to his stall.

"I maintain the old prices, although my suppliers are charging me extra. Only when I am forced to or as the last resort, I may have to raise prices and this is likely to happen when I can no longer absorb the losses," he said.

The NST checked several wet markets around the Klang Valley and found that most fresh produce were being sold at higher prices, including chicken, which was sold at between RM9.50 and RM10.50 per kg; prawns at between RM30 and RM40 per kg, and chillies at RM12 per kg.

Customers were also heard complaining loudly when paying for their purchases, and some were seen trying to negotiate with the traders.

A vegetable trader said he could only earn about 80 sen for every 1kg of potatoes sold.

"I cannot disclose how much I have paid for them, though. It is safe to say that I'm earning about 50 sen to RM1 for each supply I've taken from my vegetable suppliers. This is not even 20 per cent of what I have invested."

"And some days, I have to incur higher losses when the fresh produce I've received is not in good condition. Since vegetables are perishable goods, they will wilt if they are not sold (fast)."

The 22-year-old trader said he had become jaded by how things had developed and would pay whatever price set by the suppliers.

A housewife, who wanted to be known only as Azira, said she was shocked when she had to pay RM300 for groceries recently.

"My husband and I have capped our monthly expenditure for groceries within RM200 or RM250. This includes buying food items including chicken, meat and household essentials.

"You can imagine our surprise when we have to pay more than RM300 for the same items we've been buying every month.

"The most obvious price increase is fresh chicken as I usually pay less than RM20 for 2kg, but now it has reached up to RM25 for the same quantity."

Azira expressed hope that the authorities would address the rising cost of living issue soon.

"Many are still trying to recover from the backlash of the Covid-19 pandemic. The authorities have to do something about this."

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/5/2022 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 32 |

# Tanaman *musang king* punca banjir?

**KUALA PILAH:** Penduduk sekitar kawasan Inas di sini dan Bukit Miku di Rembau mendakwa, kejadian banjir kilat yang berlaku di kawasan tersebut kelmarin adalah berpunca dari aktiviti pembukaan dan penerokaan tanah termasuk di kawasan tadahan air oleh pihak-pihak tertentu.

Dakwa penduduk lagi, penerokaan tersebut adalah untuk aktiviti pembalakan berlesen yang telah berjalan sejak dua tahun lalu serta bagi tujuan penanaman durian Musang King secara komersial.

Kudus Mustaffa, 53, dari Kampung Ulu Inas berkata, dalam tempoh tiga tahun kebelakangan ini memang kerap berlaku banjir susulan aktiviti pembalakan di kawasan tersebut sedangkan sebelum ini hanya kawasan rendah sahaja yang terjejas.

"Bagaimanapun, sekarang ini rumah-rumah yang berada di tempat yang lebih tinggi juga terjejas. Banjir kali ini juga menyaksikan banyak sisa kayu mungkin dari aktiviti pembukaan tanah yang tersekat di jambatan sungai sehingga rosak infrastruktur berkenaan.

"Harapan saya sangat tinggi agar janganlah digondolkan hutan di sini lagi. Keadaan sangat teruk apabila air turun terlalu laju dari atas bukit serta membahayakan penduduk," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Sebanyak 150 keluarga terjejas dalam kejadian banjir di kawasan berkenaan yang melibatkan lapan buah kampung kecil termasuk perkampungan Orang Asli.

Seorang lagi penduduk, Shahran Hussin, 56, pula berkata, kediaman ibunya, Khalsom Baharum, 82, di Kampung Dingkir, Inas turut dinaiki banjir separas hampir dua meter dalam kejadian yang berlaku kelmarin.

"Dahulu, kalau hujan lebat macam mana sekalipun, rumah saya tidak kena banjir sebab jauh dari sungai. Tapi kini hujan kurang tiga jam terus banjir.

"Saya berasakan selain aliran air sungai yang tidak lancar, pembalakan berlesen di sini menjadi punca kepada banjir kali ini kerana air bukan hanya melimpah dari sungai tetapi turun dengan laju dari bukit terletak berhampiran rumah," katanya.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Johol, Saiful Yazan Sulaiman, berkata, dia telah membangkitkan isu berkenaan di dalam Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Negeri Sembilan sebelum ini namun tiada tindakan diambil oleh pihak bertanggungjawab.

"Kalau berlaku hujan lebat di Johol-Miku ini memang ada runtuhan kecil, tapi kali ini hujan lebat hanya dua jam menyebabkan banyak kawasan terjejas. Bukan sahaja runtuhan tebing tinggi, cerun-cerun pun banyak runtuh, agak bahaya.

"Saya dimaklumkan di kiri dan kanan Kampung Charik terdapat kawasan-kawasan yang telah diteroka baik bagi tujuan pembalakan mahupun pembukaan tanah untuk tanaman seperti Musang King," katanya.

Sementara itu, Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Aminuddin Harun berkata, kerajaan negeri akan mengambil perhatian dakwaan penduduk tersebut.

Bagaimanapun, beliau mengakui terdapat tanah milik Yayasan Negeri Sembilan (YNS) di kawasan didakwa penduduk tersebut yang sebelum ini telah diberikan oleh kerajaan terdahulu untuk aktiviti pengeluaran balak.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/5/2022 | AGENDA DAILY.COM | ONLINE | |

# PM ulangi gesaan hapuskan peranan 'orang tengah' dibuat pada 2014




Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berucap pada majlis makan malam sebelum merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan NAFAS Ke-48 di WTC Kuala Lumpur, malam tadi.

Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob menggesa agar budaya 'orang tengah' dalam sektor pertanian dan rangkaian bekalan makanan dihapuskan bagi mengawal kos sara hidup yang meningkat antara lain akibat kenaikan kadar inflasi.

Beliau berkata orang tengah merupakan pihak yang memerah keringat petani dan nelayan selain memanipulasi harga di pasaran, lapor Bernama.

Perdana Menteri berkata beliau sendiri pernah mengisytiharkan 'jihad memerangi orang tengah' pada 2014 ketika menerajui Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

"Jihad ini perlu diteruskan oleh NAFAS (Pertubuhan Peladang Kebangsaan) menerusi strategi penguasaan rantaian bekalan seperti mewujudkan Pusat Pembelian Padi, Pusat Pengumpulan Buah-Buahan, penambahan pasar tani serta pasar nelayan," katanya.

Ismail Sabri berkata demikian ketika berucap pada majlis makan malam sebelum merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan NAFAS Ke-48 di sini malam tadi yang turut dihadiri Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee.

Perdana Menteri berkata inflasi makanan merupakan fenomena global akibat gangguan rantaian bekalan berpunca daripada pandemik COVID-19 yang mengekang kegiatan pertanian sekali gus mengurangkan eksport dan keadaan bertambah buruk apabila berlaku peperangan Rusia-Ukraine.

"Peperangan itu memberi ancaman kepada penghantaran sebahagian tanaman ruji dunia sekali gus menyebabkan inflasi makanan menjadi semakin buruk. Kebimbangan tidak cukup bekalan makanan merupakan isu global bukan sahaja di Malaysia tetapi juga di seluruh dunia," katanya.

Beliau turut menyuarakan kebimbangan jika peperangan itu berpanjangan, kesan lebih buruk terhadap input pertanian boleh berlaku seperti kenaikan harga baja, racun dan sebagainya.

Bagaimanapun, Ismail Sabri berkata Malaysia ketika ini mencatat kadar inflasi 2.2 peratus iaitu lebih rendah berbanding negara lain termasuk Amerika Syarikat (8.5 peratus), United Kingdom (7), Singapura (5.4), Australia (4.5) dan Indonesia (2.6).

Katanya masalah dihadapi Keluarga Peladang terutama dalam situasi dunia sekarang yang mengakibatkan peningkatan kos bahan mentah akan sentiasa diberi perhatian oleh kerajaan.

“Peruntukan Pembangunan Semula Projek Agromakanan ini akan disalurkan melalui Lembaga Pertubuhan Peladang di tujuh negeri iaitu Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Pahang, Kelantan dan Terengganu,” katanya.

Pada majlis itu, NAFAS mengumumkan agihan kadar dividen sebanyak lapan peratus bagi Skim Pelaburan Khas Peladang (SPKP) Dana Peladang Kebangsaan (DPK) untuk tahun kewangan berakhir Disember 2021.

Pengagihan itu membabitkan jumlah pembayaran RM8.5 juta yang akan memberi manfaat kepada hampir 6,000 pelabur dalam kalangan ahli peladang dan dibayar pada Jun ini.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/5/2022 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 15 |

# Hapus isu 'orang tengah'

Elak sektor makanan berasaskan pertanian dimanipulasi

Oleh NURHIDAYAH HAIROM

KUALA LUMPUR

Kerajaan menggesa Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) melaksanakan perubahan dan anjakan paradigma termasuk menghapuskan 'orang tengah' yang memanipulasi harga makanan di pasaran negara ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, 'Jihad Memerangi Orang Tengah' perlu diperkasakan semula sebagaimana yang pernah dilakukan beliau ketika menerajui Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.



Ismail Sabri (tengah) ketika penyampaian Peruntukan Pembangunan Semula Projek Agromakanan, Lembaga Pertubuhan Peladang yang telah diluluskan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) berjumlah RM4.476 juta.

"Saya telah mengisytiharkan 2014 sebagai tahun 'Jihad Memerangi Orang Tengah' kerana mereka inilah yang memerah keringat petani dan nelayan serta memanipulasikan harga di pasaran.

"Jihad ini perlu diteruskan oleh Nafas menerusi strategi penguasaan rantaian bekalan seperti mewujudkan Pusat Pembelian Padi, Pusat Pengumpulan Buah-Buahan, penambahan pasar tani serta pasar-pasar nelayan," katanya ketika berucap dalam Majlis Makan Malam dan Perasmian Mesyuarat Agung Tahunan Nafas Ke-48 di sini pada Rabu.

Pada masa sama, beliau berkata Nafas perlu memberi 'nafas' baharu kepada sektor makanan berasaskan pertanian melalui penerapan teknologi tinggi dan pendigitalan bagi meningkatkan pengeluaran pertanian sekali gus mengurangkan kebergantungan kepada import makanan.

"Malaysia pada ketika ini membelanjakan lebih RM50 bilion untuk mengimport bahan makanan, manakala kerajaan pula menyalurkan subsidi sebanyak RM70 bilion bagi tahun 2022," katanya.

Beliau berkata, penghapusan kelulusan permit (AP) bagi membawa masuk bahan asas makanan dari negara luar akan membolehkan semua pihak mengimport bahan asas makanan ke negara ini tanpa dimonopoli oleh golongan tertentu atau kartel yang akhirnya memanipulasi harga.

Jelasnya, isu bekalan makanan berlaku ekoran pandemik Covid-19 yang mengekang kegiatan pertanian sekali gus mengurangkan eksport makanan pengeluar kerana mereka lebih mengutamakan keperluan dalam negara masing-masing.

## Pesawah bakal terima elaun RM200 selama enam bulan

KUALA LUMPUR - Kerajaan bersetuju menyalurkan bantuan sementara menunggu waktu menuai padi sebanyak RM200 sebulan kepada golongan pesawah selama enam bulan.

Perkara itu diumum Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob sempena Majlis Makan Makan dan Perasmian Mesyuarat Agung Tahunan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) pada Rabu.

Beliau berkata, bantuan tersebut akan dimasukkan dalam Pembentangan Bajet 2023 kelak.

"Saya sudah berbincang dengan Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz dan kerajaan bersetuju untuk berikan bantuan sementara menunggu padi dituai sebanyak RM200 untuk enam bulan (dua musim).

"Kita akan masukkan dalam Bajet 2023 yang akan diumumkan Oktober nanti.

"Saya percaya ini adil kepada semua kerana penoreh getah, nelayan dan pesawah juga dapat," katanya ketika berucap pada majlis tersebut.

Turut hadir, Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee dan Pengerusi Jemaah Pengarah Nafas, Datuk Zamri Yaakob.

Dalam pada itu, Ismail Sabri berkata, susulan pengumuman pemansuhan permit import (AP), beliau berharap Nafas dapat menggunakan peluang itu untuk menjadi sebahagian daripada pengimport makanan.



Anugerah Perdana Yayasan Pelajaran Peladang Tahun 2021 kepada tiga anak-anak ahli Peladang yang cemerlang dalam pengajian peringkat pengajian tinggi.

Beliau juga meminta Nafas menguasai seluruh rantai nilai pengeluaran ayam sekali gus menamatkan sebarang ugutan golongan tidak bertanggungjawab terhadap pihak kerajaan.

"Saya beritahu menteri (Kementerian Pertanian dan Industri Makanan) kita tidak boleh membiarkan kerajaan sentiasa diugut oleh pengeluar ayam.

"Jadi, saya minta Nafas, Persatuan Peladang memainkan peranan membantu kerajaan supaya pasaran ayam dikuasai oleh kita secara tidak langsung tiada lagi ugutan daripada mereka yang tidak bertanggungjawab ini.

"Nafas mempunyai sejuta ahli. Kalau Nafas terbabit dalam pengeluaran dan menjual ayam, ahli Nafas sudah mencukupi untuk menjadi pasaran tersedia kepada Nafas," katanya.

Sementara itu, pada majlis sama turut diumumkan kadar dividen sebanyak lapan peratus bagi Skim Pelaburan Khas Peladang (SPKP), Dana Peladang Kebangsaan bagi tahun kewangan berakhir Disember 2021 membabitkan jumlah pembayaran sebanyak RM8.5 juta.

Turut disampaikan Peruntukan Pembangunan Semula Projek Agromakanan, Lembaga Pertubuhan Peladang yang telah diluluskan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan yang berjumlah RM4,476,485 juta.

Replika cek disampaikan kepada wakil Pengerusi Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang Kawasan Tanjong Ipoh, Negeri Sembilan, Datuk Abdul Samad Ibrahim yang mewakili 483 ahli Peladang yang terkesan akibat bencana.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/5/2022 | BERITA HARIAN | ONLINE | |

# Perdana Menteri rasmi Jelajah AKM Sabah esok



Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob. - Foto Bernama

KOTA KINABALU: Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dijadual merasmikan Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia (AKM) di Pusat Konvensyen Antarabangsa Sabah (SICC), di sini esok.

Majlis berkenaan adalah program jelajah pertama anjuran Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) di Sabah tahun ini yang akan turut dihadiri Ketua Menteri Datuk Seri Hajiji Noor.

Pelbagai acara menarik disusun buat pengunjung pelbagai peringkat umur sepanjang program berlangsung selama tiga hari hingga 22 Mei ini yang bermula 9 pagi.

Antaranya ialah Jualan Agro Keluarga Malaysia; Jualan Keluarga Malaysia; sukan elektronik; sukan rakyat; gotong-royong; kayuhan 'Fun Ride'; kenduri Keluarga Malaysia; serta pameran kementerian dan agensi kerajaan.

Karnival Kerjaya Jamin Kerja sempena program jelajah itu juga bakal menjadi tumpuan para pencari kerja dengan lebih 1,000 peluang pekerjaan daripada pelbagai sektor melibatkan lebih 30 majikan ternama.

Tidak ketinggalan ialah persembahan kucing mini bagi pencinta haiwan peliharaan itu, karnival permotoran dan demonstrasi masakan, cef cilik, pemprosesan lemang secara mekanikal, gubahan buah-buahan dan simulasi keselamatan

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Sabah adalah destinasi ketiga siri jelajah AKM yang diilhamkan Perdana Menteri selepas siri pertama diadakan di Johor dan diikuti Perlis, sebagai destinasi kedua.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/5/2022 | MALAYSIA GAZETTE | ONLINE | |

# Amal Sejagat gesa kerajaan senarai hitam kartel ayam




Mohd Nor Izzat Mohd Johari

KUALA LUMPUR – Pertubuhan Kebajikan Amal Sejagat Malaysia (Amal Sejagat) bersama beberapa badan bukan kerajaan (NGO) menggesa pihak berwajib bertindak tegas ke atas penternak yang mengugut untuk tidak beroperasi hujung minggu ini.

Pengerusinya, Mohd Nor Izzat Mohd Johari berkata, tindakan tegas perlu bagi memastikan perkara itu tidak berlaku lagi pada masa depan.

Ia termasuk menyenaraihitamkan penternak terbabit yang sengaja menimbulkan suasana panik terutama ketika umat Islam masih lagi dalam suasana hari raya.

"Selain disenaraihitamkan, mereka yang didapati terbabit secara langsung dengan tindakan boikot ini perlu digantung lesen operasi dan tidak lagi dibenarkan beroperasi untuk tempoh yang lama.

"NGO Amal Sejagat merasakan sudah sampai masanya kerajaan membantu penternak tulen yang selama ini giat berusaha memajukan perniagaan tanpa mengambil kesempatan ke atas sebarang perubahan harga yang berlaku di pasaran.

"Dengan adanya perubahan dari segi bantuan, penternak akan rasa lebih dihargai dan fokus untuk membantu pasaran, selain menjana pendapatan menerusi industri berkenaan," katanya kepada media, hari ini.

Mohd Nor Izzat berkata, setakat ini, Amal Sejagat sudah pun berhubung dengan lapan kumpulan penternak di utara yang menyatakan rasa kesal dengan apa yang berlaku.

Ujarnya, mereka komited untuk mengadakan perbincangan secara telus dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) bagi mencari solusi terbaik.

Dalam pada itu, beliau meminta campur tangan serta pertimbangan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob untuk menyelesaikan isu itu secara menang-menang dan memberi manfaat kepada semua pihak. – MalaysiaGazette

# 今年料“减产” 爱好者将吃贵榴梿

022年05月14日


榴梿

（野新14日讯）榴梿爱好者将被逼吃贵榴梿，尤其是猫山王和黑刺等优质品种今年料“减产”，榴梿价格加倍上涨。

农业及食品工业部副部长拿督斯里阿末韩沙说，涨价是由于“果王”的产量，由于天气因素，预计产量将减少近 50%。

他在开斋节开放日说：“3月底至4月的雨季对榴梿花粉的生产产生了影响，进而对水果总产量产生了影响。预计这一因素将导致某些州的总产量下跌近 50%。”

他说，除了天气因素外，化肥和劳动力成本的上涨也影响了榴梿的生产，甚至比往年更晚。迄今，槟城和霹雳州已经承认榴梿产量预计将减少50%。

他指出，黑刺的价格预计将达到每公斤100令吉，而猫山王的价格则在每公斤60至80令吉之间，视等级而定，比较目前每公斤则为30至40令吉。

他说，榴梿的价格限制超出了他的控制范围，取决于生产和需求的原则。

榴梿 (/%E6%A6%B4%E6%A2%BF) 农业部 (/%E5%86%9C%E4%B8%9A%E9%83%A8)

果王 (/%E6%9E%9C%E7%8E%8B)

(https://twitter.com/intent/tweet?text=今年料“减产” 爱好者将吃贵榴梿
&url=https://www.enanyang.my/node/476128) (https://www.facebook.com/sharer/sharer.php?
u=https://www.enanyang.my/node/476128) (https://api.whatsapp.com/send?
text=https://www.enanyang.my/node/476128) (https://telegram.me/share/url?
url=https://www.enanyang.my/node/476128&text=今年料“减产” 爱好者将吃贵榴梿)

反应

我们使用 cookie 来了解您如何使用和游览我们的网站，并藉此提升您的使用体验，包括个性化的内容和广告。如您继续使用和游览我们的网站，即表示您同意我们以上使用 cookie 的目的，

同意

股市行情

| 指数 | 报价(点) | 起落(点) | 波动(%) |
|---|---|---|---|
| 富时隆综指 | 1549.41 | -5.5 | -0.35 |
| 富时全股项 | 11046.27 | -54.34 | -0.49 |
| 富时70中型股 | 13095.87 | -90.76 | -0.69 |
| 富时小型股 | 16025.65 | -184.03 | -1.14 |
| 创业板 | 5288.17 | -34.2 | -0.64 |

股市报价 (/stock-price)
股票动态 (/malaysia-stock)
马交所类别指数 (/bursa-index)
海外股市 (/world-index)

## 其他人都在看

by


让位VIP的儿子婚礼 酒店取消其他顾客预订


重大股灾？全球疫情下是否重现上演


全球10大最差商务舱机场 大马排第7・美··



美股三大指数再下跌 标普500濒临熊市


当年国行储备金不及今日 敦马:不解锁汇··


【南视界】税收局查税分为哪几种?

不喜欢

16

喜欢

6

南洋地产 Nanyang Property (https://property.enanyang.my/?utm_source=enanyang&utm_medium=float-logo-top)




**有地房产仍是首选!**



**Free Delivery on Orders Over RM250**




**中国房屋政策支持多孩家庭**




**林木生 今年目前销售5.9亿**



**个人房屋 只能找本地装修商?**



**240万的海边别墅 被浪卷走**

## 其他人都在看

by

**肥料昂贵•天气恶劣 果王收成少价格飙**

**今年第6涨! 猪肉每公斤起RM2至RM2.50**

**重大股灾? 全球疫情下是否重现上演**

**关丹猪肉每公斤再涨1元**

**禁不禁**

**涨潮**

**缺席**

**【细数据大格局】去年末空缺增4.4%**

**图表看新例(16/05/2022)**

**选前承诺降米价 小马可斯如何践诺引关注**




我们使用 cookie 来了解您如何使用和游览我们的网站，并藉此提升您的使用体验，包括个性化的内容和广告。如您继续使用和游览我们的网站，即表示您同意我们以上使用 cookie 的目的，

同意







https://property.enanyang.my?utm_source=enanyang&utm_medium=float-logo-top)




**有地房产仍是首选!**

**中国房屋政策支持多孩家庭**

**林木生 今年目前销售5.9亿**

by

# 相关新闻

**纳吉与维文共进晚餐 (https://www.enanyang.my/要闻/纳吉与维文共进晚餐)**

要闻 (https://www.enanyang.my/时事/要闻) 6 小时前

**凯利:政府拟效仿国外 禁商店展示烟草产品 (https://www.enanyang.my/要闻/凯利政府拟效仿国外-禁商店展示烟草产品)**

要闻 (https://www.enanyang.my/时事/要闻) 6 小时前

**全球10大最差商务舱机场 大马排第7・美国占一半 (https://www.enanyang.my/要闻/全球10大最差商务舱机场-大马排第7・美国占一半)**

要闻 (https://www.enanyang.my/时事/要闻) 8 小时前

**我国首季劳工最高工时增4.6% (https://www.enanyang.my/要闻/我国首季劳工最高工时增46)**

要闻 (https://www.enanyang.my/时事/要闻) 8 小时前

**欠税仍在上诉 纳吉父子获准延期破产程序 (https://www.enanyang.my/要闻/欠税仍在上诉 纳吉父子获准延期破产程序)**

要闻 (https://www.enanyang.my/时事/要闻) 9 小时前

**遭阿尔丹杜雅家属索赔 阿都拉萨:无需为此抗辩 (https://www.enanyang.my/要闻/遭阿尔丹杜雅家属索赔 阿都拉萨无需为此抗辩)**

要闻 (https://www.enanyang.my/时事/要闻) 9 小时前

**让位VIP的儿子婚礼 酒店取消其他顾客预订 (https://www.enanyang.my/要闻/让位vip的儿子婚礼-酒店取消其他顾客预订)**

要闻 (https://www.enanyang.my/时事/要闻) 9 小时前

**沙巴登州霹州手足口症续攀升 (https://www.enanyang.my/要闻/沙巴登州霹州手足口症续攀升)**

我们使用 cookie 来了……体验，包括个性化的内容和广告。如您继续使用和游览我们的网站，即表示您同意我们以上使用 cookie 的目的，

同意

南洋地产
Nanyang Property

(https://property.enanyang.my/?utm_source=enanyang&utm_medium=float-logo-top)

### 赛沙迪和杨巧双 开斋节访马哈迪 (https://www.enanyang.my/要闻/赛沙迪和杨巧双-开斋节访马哈迪)

要闻 (https://www.enanyang.my/时事/要闻) 9 小时前

### 红十字会联合红新月会 编写国际人道法手册供议员参考 (https://www.enanyang.my/要闻/红十字会联合红新月会 编写国际人道法手册供议员参考)

要闻 (https://www.enanyang.my/时事/要闻) 9 小时前

tp://www.facebook.com/TemplateToaster) (http://www.templatetoaster.com) (http://twitter.com/templatetoaster) (http://www.templatetoaster.com)

南洋商报有限公司版权所有 | Copyright Nanyang Siang Pau Sdn. Bhd.(6164-V) (/)

我们使用 cookie 来了解您如何使用和游览我们的网站，并藉此提升您的使用体验，包括个性化的内容和广告。如您继续使用和游览我们的网站，即表示您同意我们以上使用 cookie 的目的，

同意

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/5/2022 | BERITA HARIAN | ONLINE | |

# Kaji dahulu sebelum muktamad mansuh AP makanan - Johari Ghani



Bekas Menteri Kewangan II, Datuk Seri Johari Abdul Ghani.

KUALA LUMPUR: Pemansuhan permit kelulusan (AP) barang makanan memerlukan kajian terperinci dari aspek keperluan dan jenis barangan yang terbabit sebelum sebarang keputusan muktamad dibuat, kata Bekas Menteri Kewangan II, Datuk Seri Johari Abdul Ghani.

Beliau menjelaskan, analisis terperinci itu penting kerana ada daripadanya yang diusahakan oleh rakyat tempatan khususnya yang terbabit dalam sektor pertanian dan penternakan, dan dengan langkah pemansuhan berkenaan, ia pasti akan menjejaskan perniagaan dan sumber pendapatan mereka, selain daripada kepastian mengenai standard halal.

"Kita kena senaraikan dahulu barang makanan yang diimport menggunakan AP ketika ini, seterusnya kaji kesan pemansuhan AP dari aspek keselamatan makanan dan kesan kepada sektor pekerjaan sedia ada yang akan terjejas selepas AP dimansuhkan.

"Kena ada analisis terperinci kesannya terhadap industri makanan yang telah lama beroperasi di negara ini. Kita tidak mahu ada industri ini akan tutup sepenuhnya dan bertukar kepada model perniagaan hanya bergantung kepada import sepenuhnya," katanya kepada BH.

Beliau mengulas langkah kerajaan memansuhkan keperluan AP terhadap bahan makanan berkuat kuasa serta-merta.

Mengulas lanjut, Johari berkata, kerajaan juga perlu memastikan kualiti barang makanan yang diimport tanpa AP memenuhi piawaian atau standard yang ditetapkan.

"Jika tiada pemantauan yang baik dan cekap, ia akan menyebabkan lambakan barang makanan yang tidak berkualiti dan tidak memenuhi tahap persijilan halal yang telah ditetapkan," katanya.

Dalam laporan muka depan BH, Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob yang mengumumkan perkara itu berkata, keputusan itu dibuat pada mesyuarat Kabinet bagi memastikan bekalan makanan negara mencukupi.

Dengan pemansuhan keperluan berkenaan, sesiapa sahaja boleh mengimport makanan ke negara ini sebagai antara usaha menangani isu keselamatan makanan.

Perdana Menteri berkata, kerajaan sudah meminta Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) mengemukakan segera cadangan jangka pendek dan panjang bagi memastikan perang di Ukraine tidak memberi kesan besar terhadap keselamatan makanan negara.

Ismail Sabri berkata, kerajaan sedar seluruh dunia bimbang dengan kesan perang memberi impak terhadap bekalan makanan dan meminta semua pihak diminta menunggu pengumuman MAFI membabitkan AP.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/5/2022 | UMNO ONLINE | ONLINE | |

# Langkah Kerajaan Hapus Permit Import Makanan Tepat Untuk Rakyat – Norshida




KUALA LUMPUR, 19 Mei – Tindakan yang diambil oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkaitan permit import (AP) dengan pemansuhan terhadap bahan makanan amat dialu-alukan.

Ketua Penerangan Wanita UMNO, Datuk Norshida Ibrahim berkata langkah berkenaan tentunya bagi mengawal isu kenaikan harga makanan mentah yang semakin hari semakin tidak menentu dan tidak rasional menyebabkan kesan besar terhadap rakyat bagi meneruskan kelansungan hidup.

Jelas beliau harga makanan mentah dan basah seperti ayam, ikan, telur dan sayur naik melebihi 100 peratus itu belum termasuk dengan harga minyak dan bahan mentah lain yang juga turut naik membebankan rakyat yang sudah lama dihimpit dengan kesan pandemik COVID-19.

"Kenaikan harga juga dikaitkan dengan peningkatan harga bahan asas pertanian seperti racun dan baja juga dikaitkan dengan punca atau faktor kepada kenaikan harga pasaran barangan makanan asas untuk rakyat.

"Tindakan menghapuskan AP ini menunjukkan Kerajaan Keluarga Malaysia yang diterajui Naib Presiden UMNO ini prihatin terhadap rakyat dan mampu membantu negara dari segi kadar inflasi yang kian meningkat serta membantu meningkatkan kuasa pembeli (puschasing power) rakyat yang lemah," katanya kepada UMNO-Online.




Kata beliau lagi, keputusan ini juga membuka ruang dan mampu meningkat ekonomi pelbagai peringkat dimana ianya terbuka kepada para usahawan-usahawan untuk mengimport makanan dari luar negara mengikut spesifikasi Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).

"Walau bagaimanapun, saya juga menyeru kepada agar kerajaan mempelbagai inisiatif bagi meningkatkan bekalan makanan supaya harga bekalan dapat diturunkan dan dalam masa yang sama memastikan kawalan terhadap mutu makanan yang dibawa masuk agar rakyat tidak terdedah dengan makanan yang tidak halal dan tidak bersih demi keselamatan dan kelansungan hidup rakyat sekarang ini," tambahnya. – *UMNO Online*

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/5/2022 | UMNO ONLINE | ONLINE | |

# Pemansuhan AP Agromakanan Tindakan Tegas Memerangi Kartel; Bukan Langkah Tergesa-Gesa

Ahli Parlimen Pulai dan Mantan Menteri MAFI, Datuk Seri Salahuddin Ayub menyelar langkah memansuhkan AP (Approved Permit) komoditi agromakanan (kecuali beras) yang diumumkan Perdana Menteri semalam sebagai langkah populis dan dibuat dengan tergesa-gesa.

Dato' Seri Salahuddin minta ditubuhkan jawatankuasa untuk buat kajian sebelum mengambil langkah ini.




Respon:

**Pertama**, sudah ada Majlis Tindakan Kos Sara Hidup (NACCOL) yang membabitkan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. NACCOL membincang dan melaporkan maklumat terkini termasuklah berkenaan isu kenaikan harga barang makanan, punca-punca dan langkah-langkah yang boleh diambil.

**Kedua**, selain faktor global yang menjadi punca terbesar, ternyata antara faktor lokal yang perlu dan boleh ditangani ialah soal kartel yang mengawal pasaran.

Disinilah pemansuhan AP sedikit sebanyak diharap membantu mengurus cabaran dalam melonggarkan cengkaman kartel. Ia membolehkan sesiapa pun dalam pasaran tempatan – bukan hanya pihak tertentu – mengakses sumber pasaran luar alternatif bagi memastikan negara terhindar dari terputusnya stok bahan mentah makanan.

Jika benar Datuk Seri Salahuddin juga mahukan harga barang terkawal dan memperjuangkan sekuriti makanan, seharusnya beliau menyokong usaha ini dan bukan melabelnya sebagai populis atau tergesa-gesa. Jauh sekali untuk menambah satu lagi jawatankuasa mengkaji perkara sama, kerana tidak berani bertindak.

**Ketiga**, masalah yang di hadapan mata ialah inflasi makanan. Maka apa sahaja langkah yang mampu membantu kearah itu, selagi tidak memberi kesan buruk jangka panjang yang lain, wajar dilaksanakan.

Isu kedaulatan makanan merupakan isu teras yang memerlukan penyelesaian menyeluruh. Kerajaan bukan hanya melaksana satu langkah seperti pemansuhan AP, dan Perdana Menteri pun tidak pernah mendakwa bahawa ia dengan sendirinya boleh menyelesaikan semua cabaran yang sedang dihadapi.

Pengumuman terbaru ini berdiri disamping pelbagai lagi dasar dan bantuan yang perlu terus dilaksana dan diperbaharui bagi menjamin bekalan makanan di samping membela pengusaha tempatan supaya keluaran dalam negara dapat dirancakkan. Malah, selain pelbagai subsidi dan kawalan harga yang pernah diumumkan sebelum ini, semalam juga, PM mengumumkan bantuan RM200 selama enam bulan untuk pesawah.

Sekali lagi ditegaskan, isu yang membelenggui seluruh dunia ialah kenaikan harga makanan. Setiap negara akan perlu bertindak dengan kaedah masing-masing untuk meminimakan impak.

Kearah itu, langkah terbaru Kerajaan wajar dilihat dari kanta positif sebagai tindakan tegas cuba melaksanakan segala langkah yang mampu untuk responsif kepada situasi semasa.

#SambungYangTergendala

**SHAHRIL HAMDAN**
**Ketua Penerangan UMNO**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/5/2022 | ASTRO AWANI | ONLINE | |

# Pemansuhan AP bukan langkah tergesa-gesa - Shahril Sufian Hamdan



*SHAHRIL SUFIAN: Selain faktor global yang menjadi punca terbesar, ternyata antara faktor lokal yang perlu dan boleh ditangani ialah soal kartel yang mengawal pasaran. -Gambar fail*

**SHAH ALAM:** Pemansuhan permit import (AP) komoditi agromakanan bagi membantu mengurus cabaran dalam melonggarkan cengkaman kartel bukan langkah tergesa-gesa.

Ketua Penerangan UMNO, Shahril Sufian Hamdan berkata, ia membolehkan sesiapa sahaja dalam pasaran tempatan untuk mengakses sumber pasaran luar alternatif bagi memastikan negara terhindar dari terputusnya stok bahan mentah makanan.

Tambahnya, kerajaan juga sudah mempunyai Majlis Tindakan Kos Sara Hidup (NACCOL) bagi membincang dan melaporkan maklumat terkini termasuklah berkenaan isu kenaikan harga barang makanan, punca-punca dan langkah-langkah yang boleh diambil.

"Ini membabitkan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

"Selain faktor global yang menjadi punca terbesar, ternyata antara faktor lokal yang perlu dan boleh ditangani ialah soal kartel yang mengawal pasaran.

"Jika benar Datuk Seri Salahuddin juga mahukan harga barang terkawal dan memperjuangkan sekuriti makanan, seharusnya beliau menyokong usaha ini dan bukan melabelnya sebagai populis atau tergesa-gesa.

"Jauh sekali untuk menambah satu lagi jawatankuasa mengkaji perkara sama, kerana tidak berani bertindak," katanya menerusi hantaran di Facebook pada Khamis.

Pada Rabu, Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, AP bekalan makanan tidak lagi diperlukan berkuat kuasa serta-merta dan keputusan itu dicapai dalam mesyuarat Kabinet pada Rabu bagi memastikan bekalan makanan di dalam negara mencukupi.

Sebelum ini, Ahli Parlimen Pulai, Datuk Seri Salahuddin Ayub menyelar langkah memansuhkan AP agromakanan (kecuali beras) yang diumumkan Perdana Menteri pada Rabu sebagai langkah populis dan dibuat dengan tergesa-gesa sebaliknya beliau minta ditubuhkan jawatankuasa untuk buat kajian sebelum mengambil langkah ini.

Dalam pada itu, Shahril berkata, isu kedaulatan makanan merupakan isu teras yang memerlukan penyelesaian menyeluruh.

Tambahnya, kerajaan bukan hanya melakukan satu langkah seperti pemansuhan AP, dan Perdana Menteri juga tidak pernah mendakwa bahawa ia dengan sendirinya boleh menyelesaikan semua cabaran yang sedang dihadapi.

"Pengumuman terbaru ini berdiri di samping pelbagai lagi dasar dan bantuan yang perlu terus dilaksana dan diperbaharui bagi menjamin bekalan makanan selain membela pengusaha tempatan supaya keluaran dalam negara dapat dirancakkan.

"Malah, selain pelbagai subsidi dan kawalan harga yang pernah diumumkan sebelum ini, semalam juga, PM mengumumkan bantuan RM200 selama enam bulan untuk pesawah," ujarnya.

Tegas beliau, isu yang membelenggu seluruh dunia ialah kenaikan harga makanan dan setiap negara akan bertindak dengan kaedah masing-masing untuk meminimumkan impak.

"Ke arah itu, langkah terbaru kerajaan wajar dilihat dari kanta positif sebagai tindakan tegas cuba melaksanakan segala langkah yang mampu sebagai responsif kepada situasi semasa," jelasnya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/5/2022 | MALAYSIA GAZETTE | ONLINE | |

# Lestarikan penternakan madu lebah



Gambar hiasan

DI negara Slovenia, penternakan lebah adalah sebahagian daripada budaya penduduk di sana, di mana seorang daripada setiap 200 orang penduduk bekerja sebagai penternak lebah atau penjaga sarang lebah.

"Jika lebah hidup dengan sihat di dalam bandar ini, maka itu adalah bukti bahawa bandar ini adalah bandar yang mempunyai persekitaran yang sihat", kata Peter Kozmus yang merupakan ketua program penternakan lebah dalam Persatuan Penternak Lebah Slovenia (Slovenian Beekepers' Association) yang terdiri daripada 8,000 orang ahli aktif.

Peter Kozmus sendiri telah mengetuai inisiatif ke Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dalam menjadikan tarikh 20 Mei sebagai tarikh rasmi Hari Lebah Sedunia (World Bee Day). Kenyataan beliau itu sebenarnya telah dibuktikan dengan pelbagai kajian saintifik yang membuktikan bahawa lebah adalah petunjuk-bio yang sangat penting kerana spesis haiwan ini sangat sensitif terhadap pencemaran dan gangguan dalam tahap persekitaran yang sihat.

**Keunikan sarang lebah**

Sarang lebah sangat unik dan dikenali sebagai komb. Komb dibina oleh lebah melalui pengeluaran lilin dari bahagian gelanda lilin yang terdapat pada anggota badan lebah pekerja. Komb lebah merupakan satu penghasilan seni bina yang sungguh menakjubkan. Kesemua selnya dibuat dalam saiz yang sama dan ukuran yang tepat.

ADVERTISEMENT

Bagi menggunakan ruangan sepenuhnya, lebah memilih cara membina kombnya dari sel yang berbentuk heksagon (enam segi sama). Melalui bentuk tersebut maka terhasilnya pembelajaran bentuk segi poligon dengan enam sisi dan enam bucu. Sudut dalaman untuk heksagon biasa (di mana semua sisi dan semua sudut adalah sama) iaitu 120° dan heksagon mempunyai 720 darjah.

**Kelestarian penternakan lebah**

Namun begitu, menurut Pensyarah Kanan, Fakulti Sains dan Teknologi Makanan (FSTM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr. Norhasnida Zawawi tahap kesedaran penduduk Malaysia tentang penternakan lebah yang lestari dalam menghasilkan madu lebah masih rendah. Masih banyak pokok di kawasan hutan yang ditebang dalam usaha mendapatkan sarang lebah untuk penternakan.

ADVERTISEMENT

"Ini kerana kedudukan Malaysia sebagai sebuah negara tropika yang sangat kondusif secara semulajadi bagi penternakan lebah terutamanya lebah daripada spesis kelulut tidak harus disia-siakan.

"Secara keseluruhannya banyak manfaat dari segi peningkatan ekonomi rakyat dan negara melalui persekitaran yang bersih, peningkatan hasil tanaman dan penternakan serta taraf kesihatan rakyat yang lebih baik boleh diperolehi dengan perancangan serta pengurusan yang baik tanpa mengira kefahaman politik, bangsa atau perbezaan lain antara semua pihak yang terlibat," katanya.

Tambahnya, sekiranya dilakukan dengan betul, tidak mustahil Malaysia akan menerajui dunia dalam usaha ini dan menjadi ikutan dan panduan bagi negara lain kelak. Disamping itu, penggunaan racun yang keterlaluan dalam aktiviti pertanian secara umumnya juga masih berleluasa yang memberikan kesan terhadap pembiakan lebah dan penghasilan madu dalam industri lebah.

Pensyarah Kanan, Jabatan Perlindungan Tumbuhan, Fakulti Pertanian, UPM, Dr. Syari Jamian berkata, dengan meningkatkan penternakan lebah, bilangan pokok yang ditanam semakin meningkat, hasil pertanian semakin bertambah dan kualiti udara juga menjadi semakin bersih.

"Potensi madu lebah terutamanya madu daripada spesis lebah kelulut (meliponine) adalah sangat besar di Malaysia yang berpotensi untuk menghasilkan dan memelihara lebah secara komersial kerana Negara ini mempunyai sumber makanan atau manisan yang mencukupi bagi lebah.

"Dunia mengetahui bahawa lebah merupakan agen penting untuk proses pendebungaan tumbuh-tumbuhan. Pemeliharaan dan pemuliharaan ekosistem lebah amat penting bagi mengimbangi alam sekitar. Tanpa lebah, tanaman tidak dapat menghasilkan buah-buahan yang kita nikmati pada masa kini," katanya.

Oleh kerana itu, pada tahun 2019, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani di Malaysia telah melancarkan Pelan Pembangunan Industri Kelulut Negara 2020-2030.

Kesimpulannya, masih banyak lagi usaha yang perlu dilakukan oleh semua pihak dalam melestarikan penternakan lebah dan menjadikan madu sebagai makanan yang lestari.

**Nur Syamila Kamarul Arefin**
**Universiti Putra Malaysia**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/5/2022 | BERITA HARIAN | MINDA PEMBACA | 13 |


# Ternak lebah secara lestari, imbangi alam sekitar


Nur Syamila Kamarul Arefin,
Universiti Putra Malaysia


**Di negara** Slovenia, penternakan lebah adalah sebahagian daripada budaya penduduknya dengan seorang daripada setiap 200 orang bekerja sebagai penternak lebah atau penjaga sarang lebah.

Ketua Program Penternakan Lebah dalam Persatuan Penternak Lebah Slovenia, Peter Kozmus menyifatkan, jika lebah hidup dengan sihat di dalam bandar itu, maka ia adalah bukti bahawa bandar berkenaan mempunyai persekitaran yang sihat.

Kozmus sendiri mengetuai inisiatif ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dalam usaha menjadikan 20 Mei sebagai tarikh rasmi Hari Lebah Sedunia (World Bee Day).

Kenyataan beliau itu sebenarnya sudah dibuktikan dengan pelbagai kajian saintifik yang membuktikan bahawa lebah adalah petunjuk bio yang sangat penting kerana spesies serangga ini sangat sensitif terhadap pencemaran dan gangguan dalam tahap persekitaran yang sihat.

Malah, jika dilihat sarang lebah juga sangat unik. Ia dibina melalui proses pengeluaran lilin daripada bahagian gelanda lilin yang terdapat pada anggota badan lebah pekerja. Sarang lebah adalah satu penghasilan seni bina yang sungguh menakjubkan.

Semua sel sarang dibuat dalam saiz dan ukuran yang sama serta tepat. Keunikan sarang lebah juga boleh dilihat menerusi binaannya yang berbentuk enam segi sama (heksagon).

Bagaimanapun, menurut Pensyarah Kanan, Fakulti Sains dan Teknologi Makanan (FSTM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Norhasnida Zawawi tahap kesedaran penduduk Malaysia mengenai penternakan lebah yang lestari dalam menghasilkan madu masih rendah. Ia dibuktikan apabila masih banyak pokok di kawasan hutan yang ditebang dalam usaha mendapatkan sarang lebah untuk penternakan.

Di samping itu, penggunaan racun yang keterlaluan dalam aktiviti pertanian secara umumnya juga masih berleluasa yang memberikan kesan terhadap pembiakan lebah dan penghasilan madu dalam industri lebah.

Katanya, kedudukan Malaysia sebagai negara tropika yang sangat kondusif secara semula jadi bagi penternakan lebah terutamanya daripada spesies kelulut, tidak harus disia-siakan.

Secara keseluruhannya banyak manfaat boleh diperoleh jika penternakan lebah dibuat secara terancang. Ia bukan hanya membantu dari segi peningkatan ekonomi rakyat dan negara, tetapi juga mendorong persekitaran yang bersih, peningkatan hasil tanaman dan penternakan serta taraf kesihatan rakyat lebih baik. Namun, ia perlu dibuat dengan perancangan serta pengurusan yang baik.

Malah, jika dilakukan dengan terancang, tidak mustahil Malaysia akan menerajui dunia dalam usaha ini dan menjadi ikutan dan panduan bagi negara lain kelak.

Pensyarah Kanan, Jabatan Perlindungan Tumbuhan, Fakulti Pertanian, UPM, Dr Syari Jamian pula berpendapat, bagi meningkatkan penternakan lebah, bilangan pokok yang ditanam juga perlu tingkatkan. Ia bukan hanya membantu dari segi memperbanyakkan sumber makanan untuk lebah, tetapi turut mendorong peningkatan hasil pertanian selain kualiti udara juga menjadi semakin bersih.

Potensi madu lebah katanya, terutama madu daripada spesies lebah kelulut (meliponine) sangat besar di Malaysia kerana keupayaan untuk menghasilkan dan memelihara lebah secara komersial disebabkan faktor sumber makanan atau manisan yang mencukupi.

Katanya, dunia mengetahui bahawa lebah adalah agen penting untuk proses pendebungaan tumbuh-tumbuhan. Justeru, pemeliharaan dan pemuliharaan ekosistem lebah amat penting bagi mengimbangi alam sekitar. Tanpa lebah, tanaman tidak dapat menghasilkan buah-buahan yang kita nikmati pada masa kini.

Sebelum ini, sekitar 2019 Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani di Malaysia sudah melancarkan Pelan Pembangunan Industri Kelulut Negara 2020-2030.

Namun, masih banyak lagi usaha yang perlu dilakukan oleh semua pihak dalam melestarikan penternakan lebah dan menjadikan madu sebagai makanan yang lestari.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/5/2022 | HARIAN METRO | LOKAL | 31 |



PENIAGA ayam di Pasar Moden Seksyen 6, Shah Alam terkesan berikutan kekurangan bekalan ayam segar untuk memenuhi permintaan pelanggan. - Gambar NSTP/FAIZ ANUAR

# Bukan sebab protes!

## *Nafi tutup ladang ternakan akibat lewat beri subsidi harga ayam*

Oleh Meor Riduwan Meor Ahmad
am@hmetro.com.my

**Melaka**

"Kalau benar (tindakan henti operasi oleh penternak ayam) mungkin sebab ada syarikat yang nak rehat dua hari. Janganlah kaitkan dengan isu-isu besar atau protes yang tiada kaitan langsung," ujar penasihat Persekutuan Persatuan-Persatuan Penternak Malaysia (FLFAM) Datuk Jeffrey Ng.

Beliau menyangkal dakwaan beberapa pihak kononnya sekumpulan penternak ayam merancang menutup ladang ternakan mereka sebagai protes kelewatan pemberian subsidi harga ayam oleh kerajaan.

Jeffrey berkata, tindakan penternak menutup operasi mengikut keperluan adalah amalan biasa dalam kalangan syarikat atau pengeluar ayam.

"Pihak kami tidak pernah menasihati mana-mana ahli untuk henti operasi, kecuali jika ada sebab-sebab tertentu seperti tidak cukup pekerja atau mahu menyelesaikan isu syarikat mereka.

"Sekiranya ia benar, tindakan itu bersifat persendirian dan mereka perlu menanggung segala risiko sendiri jika berbuat demikian," katanya.

Beliau memberitahu pihaknya tidak mahu menyalahkan sesiapa berhubung penyebaran maklumat berkenaan.

"Saya tidak mahu isu itu diperbesarkan sehingga pihak berkaitan terutama kerajaan, terpaksa turun padang membuat semakan di peringkat rantaian.

"Pihak persatuan tidak pernah meminta mana-mana ahli membuat protes tetapi mereka juga tidak boleh menghalang mana-mana pihak hendak melakukannya, namun ahli diminta jangan melibatkan persatuan," katanya.

Terdahulu media mendedahkan sekumpulan kartel industri ternakan ayam didakwa merancang menutup ladang ternakan hujung minggu ini sebagai protes terhadap kerajaan yang dikatakan lambat membayar subsidi harga ayam.

Ia susulan satu memo dikeluarkan sebuah ladang ternakan di Merlimau, Jasin kepada pembekal yang memaklumkan bekalan ayam akan dihentikan pada 21 hingga 22 Mei ini atas alasan ayam hidup di ladang mereka tidak mencapai berat pada kadar sepatutnya.

Ng berkata, pihak persatuan tidak pernah menerima sebarang rungutan atau laporan daripada lebih 2,400 ahli penternak di seluruh Semenanjung berhubung perkara itu.

# Projek bantu selesai kenaikan harga ayam

**Shah Alam:** Kenaikan harga makanan ayam yang menjadi punca lonjakan bahan mentah itu bakal diatasi menerusi Projek Usahasama Tanaman Jagung Bijirin di Gemas, Negeri Sembilan dan Kuala Langat Selatan.

Projek berkenaan dijangka mampu mengurangkan kebergantungan bekalan import itu sehingga dua hingga tiga peratus.

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, projek tanaman itu adalah usahasama Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) dan Menteri Besar Negeri Sembilan-Pemerbadanan (MBINS) menerusi Program Inisiatif Sekuriti Makanan.

"Projek ini sebagai tanda komitmen untuk menyelesaikan isu kenaikan harga makanan ayam sekali gus mengurangkan kebergantungan jagung bijirin import.

"Projek ini akan bermula sebaik kerja pembersihan selesai yang dijangka pada suku ketiga tahun ini.

"Projek di atas tanah seluas 283.2 hektar (700 ekar) di kedua-dua kawasan itu membabitkan peruntukan sebanyak RM3 juta," katanya menyaksikan Majlis Menandatangani Kerjasama Rentas Negeri di antara PKPS dan MBINS bagi tanaman jagung bijirin menerusi Program Inisiatif Sekuriti Makanan di Wisma PKPS di sini, semalam.

MoU itu ditandatangani Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PKPS, Dr Mohamad Khairil Mohamad Razi dan Pegawai Kewangan Negeri merangkap Pengarah Urusan, MBINS, Datuk Mohd Khidir Majid.

# Ugutan perlu diambil tindakan kerajaan

**Kuala Lumpur:** Beberapa badan bukan kerajaan (NGO) berasa jelik dengan ugutan sekumpulan kartel industri ternakan ayam yang didakwa merancang menutup ladang ternakan pada Sabtu dan Ahad ini sebagai protes kepada kerajaan yang dikatakan lambat melakukan bayaran subsidi sebanyak 60 sen.

Pengerusi Pertubuhan Kebajikan Amal Sejagat Malaysia (Amal Sejagat) Mohd Nor Izzat Mohd Johari berkata, ugutan terhadap kerajaan itu tidak seharusnya berlaku, sebaliknya mereka perlu bekerjasama ketika negara menghadapi waktu runcing isu bekalan makanan.

"Eloklah kita gelar kumpulan kartel ini sebagai penjenayah dan kerajaan perlu menyenaraihitam ladang ternakan yang bersekongkol dengan kartel ini.

"Ugutan mereka terhadap kerajaan memang jelik dan seharusnya diambil tindakan oleh kerajaan," katanya kepada Harian Metro, semalam.

Menurutnya, pihaknya mencabar pemilik ladang ternakan berkenaan menutup ladang mereka supaya jelas siapa sebenarnya bersekongkol dengan kartel berkenaan.

"Inilah masanya kita memberi peluang kepada penternak Bumiputera seluruh negara untuk muncul menjadi wira menyelamatkan negara," katanya.

# *Tujuh gerai tutup akibat tiada bekalan ayam sejak Selasa*

**Jerantut:** Tujuh gerai menjual ayam segar di Pasar Besar Jerantut ditutup semalam ini berikutan tidak mendapat bekalan dari pembekal ayam sejak Selasa lalu.

Peniaga di Pasar Besar Jerantut itu mendakwa mereka tidak memperoleh bekalan ayam hidup kerana pembekal mengatakan tidak mempunyai stok ayam yang mencukupi.

Seorang peniaga ayam, Rosdi Omar, 55, berkata, bekalan ayam segar mula sukar didapati, kami mendapat sedikit bekalan tetapi tidak mencukupi untuk pembeli.

**250**

Jumlah terkini bekalan ayam diterima peniaga yang sebelum ini mendapat 500 ekor ayam sehari

"Semalam (kelmarin), saya mohon 100 bakul ayam dari pembekal tetapi hanya memperoleh 20 bakul sahaja dan ayam yang diterima kecil.

"Jumlah terkini tidak mencukupi untuk pembeli biasa kerana kebanyakan bekalan ayam adalah untuk pelanggan tetap, ia masih tidak mencukupi," katanya.

Seorang peniaga ayam yang enggan namanya disiarkan berkata, dia tidak menerima bekalan dan menerima sedikit bekalan pada hari ini tetapi tidak lebih 50 peratus bekalan ayam.

"Selalunya saya menerima bekalan kira-kira 500 ekor tetapi kini hanya menerima tidak sampai 250 ekor, begitu juga penjual ayam yang lain.

"Di pasar di sini, ada tujuh pintu gerai dan bagi mengelakkan perebutan antara pembeli menyebabkan kami terpaksa menutup gerai kami dan menghantar kepada pelanggan tetap sahaja terutamanya kedai makan," katanya.

Menurutnya, mereka tidak tahu lagi sama ada bekalan ayam akan tiba hari ini hingga hujung minggu ini kerana dipercayai pembekal ayam dikatakan 'bercuti' dan tiada penghantaran bekalan ayam daging kepada peniaga di sini.

"Saya turut menghubungi rakan penjual ayam di daerah lain seperti Lipis dan Bentong dan mereka turut mengalami keadaan yang sama, malah penjual ayam di Kuantan turut mahu mendapatkan bekalan dari sini.

"Kami penjual ayam di daerah ini merayu agar isu bekalan ayam daging dapat diatasi dengan segera demi kemudahan penduduk dan kesejahteraan rakyat Malaysia dan memohon maaf kepada pembeli di daerah ini kerana tidak dapat membekalkan ayam segar seperti biasa," katanya.

Seorang pembeli yang ditemui, Shaharuddin Hasim, 48, berkata, dia terkejut apabila sampai di gerai menjual ayam di Pasar Besar Jerantut didapati semuanya ditutup semalam, malah dia turut cuba ke pasar raya di sekitar bandar ini turut tiada bekalan ayam daging.

Tinjauan di beberapa pasar raya di bandar ini turut menghadapi masalah yang sama dan mendapati tiada ayam dijual di situ.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/5/2022 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 5 |

# Kilang pengeluar ayam tutup sementara tak jejas bekalan

## Tindakan bolehkan syarikat hasilkan ayam ikut saiz ditetapkan

Oleh Rafidah Mat Ruzki
fidahruzki@bh.com.my



*Alexander membuat tinjauan sempena Pelancaran Logo Barang Kawalan dan Barang Subsidi serta Perhimpunan Bulanan di Dewan Serbaguna, Putrajaya, semalam.* (Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

**Putrajaya:** Penutupan sebuah kilang pengeluar ayam di Jasin, Melaka, yang dijadualkan pada hujung minggu ini, tidak akan menjejaskan bekalan bahan mentah itu di pasaran.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, berkata pihaknya sudah menerima penjelasan daripada syarikat pengeluar ayam itu tindakan itu bagi membolehkan ayam yang dihasilkan menepati saiz ditetapkan bagi dipasarkan.

Beliau berkata, pihaknya dimaklumkan ketika ini berat ayam pada 1.1 kilogram (kg) dan kilang berkenaan mahu meningkatkan kepada 1.8 kg seekor.

Katanya, syarikat berkenaan tidak mahu membekalkan ayam bersaiz kecil kerana ia akan mengundang masalah apabila ia memasuki pasaran.

"Selain itu mereka nak jaga nama mereka sebagai pengeluar ayam. Biasanya ayam bila memasuki pasaran ada usia matangnya di ladang.

"Kalau ayam itu tidak cukup berat seperti biasa, jadi ia boleh menimbulkan masalah lain," katanya pada sidang media selepas Pelancaran Logo Barang Kawalan dan Barang Subsidi serta Perhimpunan Bulanan di Dewan Serbaguna, di sini, semalam.

Justeru, Alexander menolak dakwaan ia ada kaitan dengan kartel yang mahu mengambil keuntungan berlebihan.

Beliau berkata, Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) kini sedang menjalankan siasatan terperinci terhadap industri ayam sebelum ia dibentangkan kepadanya.

"Kita berharap sehingga Julai nanti ada keputusan atau langkah tertentu bagi menangani masalah kartel," katanya.

# JAKIM terus usaha dapat bukti selesaikan dakwaan

**Kuala Lumpur:** Malaysia bergantung kira-kira 18 peratus bekalan daging import dari loji sembelihan Thomas Foods International (TFI) Lobethal, Australia, yang didakwa berlaku pelanggaran prosedur operasi standard (SOP) keselamatan makanan, kebersihan dan piawaian halal.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Idris Ahmad, berkata pihaknya masih meneruskan usaha mendapatkan bukti bagi menyelesaikan dakwaan kes terbabit, berikutan tidak mahu berkompromi berhubung aspek halal dan haram.

"Ada 16 loji di sana dengan 15 daripadanya beroperasi. Syarikat yang disebut itu lebih kurang 18 peratus menjadi pengeksport ke tempat kita.

"Kalau mengikut apa yang didedahkan kata banyak lebih dari itu, tetapi mengikut fakta diberikan pegawai atasan kita di sana adalah 18 peratus," katanya, di sini semalam.

Terdahulu Idris merasmikan Kongres Nasional 'Islam, Keluarga Malaysia dan Keharmonian: Membina Agenda Kalis Cabaran Masa Depan'.

Sebelum ini media melaporkan, Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) bersama Pertubuhan Kemasyarakatan Rakyat (PEKEMAS) dan Sahabat 99 mendakwa perlanggaran SOP penyembelihan halal oleh TFI yang mendapat kelulusan dari Badan Induk Halal Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM).

Presiden PEKEMAS, Faizan Mohd Nor, dilaporkan berkata pendedahan berhubung isu pelanggaran SOP penyembelihan halal di Australia membabitkan bukti video dan gambar serta keterangan saksi yang juga pekerja sembelihan di TFI, membuatkan pertubuhan itu yakin ada unsur yang jelas melanggar protokol penyembelihan.

Susulan dakwaan yang timbul, setakat ini JAKIM sudah menggantung kelulusan loji sembelihan TFI, Australia berkuat kuasa serta-merta sehingga hasil siasatan yang menyeluruh diperoleh.

Pada masa sama, ketika ditanya mengenai bekalan daripada loji terbabit yang sudah terlepas ke dalam pasaran negara ini, Idris berkata, pihaknya tidak boleh memberikan jaminan dalam aspek tindakan.

Sementara itu, Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sedang meneliti laporan PEKEMAS berkaitan dakwaan isu integriti dalam urusan penyembelihan ternakan secara halal di Australia.

Pengarah Kanan Bahagian Siasatan SPRM, Datuk Seri Hishamuddin Hashim, mengesahkan pihaknya sudah menerima laporan PEKEMAS.

Katanya, pegawai SPRM juga sudah diarahkan untuk melaksanakan tindakan sewajarnya mengikut undang-undang berkaitan.



Pusat sembelih di Australia didakwa tak patuh SOP

*Keratan akhbar BH, 11 Mei lalu.*

> Ada 16 loji di sana dengan 15 daripadanya beroperasi. Syarikat yang disebut itu lebih kurang 18 peratus menjadi pengeksport ke tempat kita



***Idris Ahmad,***
*Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)*

# KPDNHEP pantau aduan caj tambahan potong ayam

**Putrajaya:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan memantau aduan ada peniaga ayam mengenakan caj tambahan upah memotong ayam supaya tiada pihak mengambil peluang mengenakan caj tidak berpatutan.

Menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, berkata bagaimanapun pengenaan caj tambahan upah potong itu tidak termasuk dalam harga kawalan.

Katanya, pihaknya akan memantau bagi memastikan harga ayam yang dijual kepada pengguna tidak terlalu tinggi daripada harga siling yang ditetapkan iaitu RM8.90 bagi setiap kilogram.

"Kita nak beritahu jika upah itu berpatutan kita boleh terima, namun kalau setiap sekilogram sampai lebih RM1 itu mungkin agak terlalu tinggi kepada pengguna.

"Jadi walaupun upah tidak dalam harga kawalan kita, kita kawal, pantau juga untuk pastikan harga ayam itu tidak terlalu tinggi daripada harga yang kita telah tetapkan," katanya pada sidang media selepas Pelancaran Logo Barang Kawalan dan Barang Subsidi serta Perhimpunan Bulanan di Dewan Serbaguna, di sini semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai laporan *BH* semalam mengenai keluhan pengguna di sekitar Johor Bahru apabila peniaga ayam mengenakan caj tambahan berkenaan.

Alexander berkata, pengenaan caj sedemikian boleh dibenarkan untuk kerja memotong ayam yang sepatutnya dijual secara bulat, namun peniaga ayam tidak seharusnya mengambil kesempatan dengan mengenakan caj yang tinggi.



*Pengenaan caj tambahan upah potong ayam tidak termasuk dalam harga kawalan.* (Foto hiasan)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/5/2022 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 7 |

# Penutupan kilang di Melaka tidak jejaskan bekalan ayam

Alexander turut memberitahu laporan berhubung dakwaan kewujudan kartel mengawal harga pasaran ayam akan dibentang Julai ini

Oleh TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN

PUTRAJAYA

Bekalan ayam di pasaran tidak akan terjejas berikutan penutupan sebuah kilang pengeluaran di Jasin, Melaka pada hujung minggu ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, perkara itu dimaklumkan oleh pihak industri ketika memberi penjelasan kepada kementerian tersebut.

"Mereka kata kilang ditutup disebabkan ayam tidak mencapai standard untuk dipasarkan iaitu 1.8 kilogram," katanya selepas Majlis Pelancaran Logo Barang Subsidi dan Barang Kawalan sini pada Khamis.

Beliau berkata demikian ketika ditanya mengenai laporan akhbar berhubung dakwaan kartel industri ayam yang merancang menutup ladang ternakan pada Sabtu dan Ahad selepas kerajaan dikatakan lambat membayar tuntutan subsidi harga ayam sebanyak 60 sen sekilogram.

Alexander menjelaskan, syarikat berkenaan memberi alasan bahawa langkah itu untuk menjaga nama dan reputasi mereka.

"Mereka tidak mahu bekalkan ayam kecil kerana ia akan mengundang masalah dan persepsi pengguna yang membeli ayam dan kelak dipersoalkan," katanya.



FOTO: BERNAMA

Alexander meninjau barang keperluan bersubsidi dan kawalan sempena majlis pelancaran logo Barang Subsidi dan Barang Kawalan di KPDNHEP, Putrajaya pada Khamis.

Dalam pada itu, beliau berkata, laporan berhubung dakwaan kewujudan kartel mengawal harga pasaran ayam akan dibentangkan pada Julai ini.

"Pasukan khas di bawah Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) memerlukan sedikit masa sahaja bagi melengkapkan laporan tersebut.

"Ia akan didedahkan kepada umum selepas dikemukakan kepada kabinet. Saya harap dengan keputusan dan langkah-langkah yang diambil dapat atasi masalah kartel dalam industri ayam," kata beliau.

Mengulas mengenai caj tambahan untuk memotong ayam, Alexander berkata, kementerian akan memantau perkara tersebut.

## Jangan buat pembelian panik, bekalan ayam masih cukup

MELAKA - Bekalan ayam di Melaka masih mencukupi dan tidak berlaku kekurangan susulan penutupan dua hari operasi sebuah syarikat penternak ayam terbesar di Jasin pada minggu ini.



NORENA

> Notis penutupan berkenaan tidak memberi impak kepada bekalan ayam dan pengguna tidak perlu membuat pembelian panik."

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) negeri, Norena Jaafar berkata, notis penutupan berkenaan tidak memberi impak kepada bekalan ayam dan pengguna juga tidak perlu membuat pembelian panik.

Menurutnya, di Melaka terdapat lebih 100 ladang yang mampu untuk membekalkan ayam kepada pengguna.

"Syarikat penternak ayam yang menutup operasi mereka di Jasin itu kerana mengalami masalah pertumbuhan ayam.

"Masalah saiz ayam yang dihadapi penternak ini kerana ayam tidak melepasi saiz matang untuk dijual dengan anggaran 1.8 kilogram (kg), hingga 2kg berbanding hanya 1.1kg hingga 1.2kg ketika ini.

"Malah langkah penutupan ladang ini juga juga bertujuan untuk menambahkan berat ayam supaya dapat dijual dipasaran.

"Jadi isu ini, saya rasa tidak akan memberi masalah kepada negeri Melaka, sebab di sini kita telah beri jaminan bahawa tidak ada isu mengenai kekurangan ayam iaitu ayam bulat di pasaran.

"Sementara pihak pembeli atau pengguna tolong jangan beli ayam dalam kuantiti yang banyak kerana ia akan mendatangkan kesusahan kepada orang lain," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika program Pengguna Bestari Sentuhan Kasih Aidilfitri di Ayer Keroh pada Khamis.

Pada Rabu, Persekutuan Persatuan-persatuan Penternak Malaysia menafikan penutupan ladang pengeluaran ayam terbabit mempunyai kaitan dengan tindakan protes berhubung subsidi.

Penasihatnya, Datuk Jeffrey Ng berkata, pihaknya tidak pernah menerima aduan atau mendengar desas-desus mengenai sebarang gerakan protes membabitkan pengusaha ladang ayam.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/5/2022 | KOSMO | NEGARA | 10 |



Kata Editor

Oleh **JAMDI NASIR**
TIMBALAN PENGARANG *KOSMO!/ KOSMO! AHAD*

# Makanan makin mahal, petani makin miskin

**ISU** krisis bekalan makanan dunia semakin hangat diperkatakan akhir-akhir ini dan masalah tersebut sebenarnya bukanlah perkara baharu kepada kita.

Umum memperkatakan mengenai perang antara Rusia dan Ukraine menjadi penyebab krisis berkenaan.

Hal tersebut memang tidak boleh dinafikan kerana Rusia merupakan pengeksport terbesar gandum dunia, manakala Ukraine yang kelima terbesar.

Malah, kedua-dua negara tersebut adalah sumber 19 peratus bekalan barli dunia, gandum (14 peratus) dan jagung (empat peratus) sekali gus membentuk satu pertiga daripada eksport bijirin global.

Turut terkesan, kedua-dua negara itu menyumbang 52 peratus pasaran eksport minyak bunga matahari global selain Rusia, pembekal baja besar dunia.

Hakikatnya, pencerobohan Rusia ke atas Ukraine adalah faktor pencetus kepada pelbagai faktor lain yang menjejaskan rantaian bekalan makanan dunia terutama wabak Covid-19 yang melanda sejak awal tahun 2020.

Begitu juga dengan masalah cuaca dunia yang semakin tidak menentu termasuk kemarau berpanjangan serta banjir turut menjejaskan pengeluaran makanan seperti yang berlaku di India.

Di Malaysia, meskipun mempunyai tanah yang subur serta pelbagai prasarana yang baik dan boleh dipertingkatkan tetap terkesan dengan krisis makanan dunia kerana tidak serius memanfaatkan apa yang ada.

Berdasarkan laporan, penduduk Malaysia menggunakan 2.7 tan beras setahun dengan 30 peratus terpaksa bergantung kepada beras import, manakala penggunaan gandum sekitar 1.6 juta tan yang diimport sepenuhnya.

Bukan sekadar itu, realitinya kita mengimport 60 peratus makanan harian seperti sayur-sayuran, buah-buahan serta daging.

Apabila ringgit jatuh, pastinya harga semua barangan itu melonjak naik ditambah dengan pelbagai peningkatan kos lain seperti pembungkusan, pengangkutan dan tenaga kerja.

Apa yang berlaku hari ini seolah-olah kita tidak pernah belajar daripada pengalaman lalu, sedangkan negara telah berdepan krisis bekalan beras pada 2011 apabila banjir menenggelamkan 1.5 juta hektar padi di Thailand, Vietnam dan Kemboja menyebabkan negara tersebut tidak dapat mengeksport beras ke negara ini.

Begitu juga kemarau ekstrem di Thailand pada 2016 menyebabkan negara itu pernah menyekat eksport beras dunia bagi mengelak bekalan kepada penduduk tempatan mencukupi.

Lebih malang, dalam keadaan krisis bekalan makanan ini, para pekebun dan pesawah kita terus miskin dan semakin miskin.

Nelayan sejak dahulu sangat sukar untuk melepasi kelompok masyarakat B40.

Sampai bila kita mahu membiarkan keadaan kebergantungan ini berterusan. Tepuk dada tanya selera.

Orang politik berdebat berapi-api di Parlimen, orang kampung berhujan berpanas demi sesuap nasi.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 20/5/2022 | THE STAR | NATION | 5 |

# Durian prices expected to drop in June

By N. TRISHA
trishang@thestar.com.my

**GEORGE TOWN:** The price of durians is expected to dip next month when the Pahang fruiting season begins and there is more supply.

Durian stall operator Ang Hock Beng, 65, said prices are high right now because Penang, which sends much of the supply to Kuala Lumpur, is running low on durians.

"Kuala Lumpur does not have its durian supply from Pahang just yet. The season in Pahang will begin next month and Kuala Lumpur will no longer need durians from Penang.

"Durian prices will definitely go down then," he said when met at his stall along Macalister Road here.

Hock Beng, who has been operating his stall for over 10 years, however, said there are still regular customers who are willing to spend money on durians despite the high prices.

"One of our regulars bought all our fruits yesterday, saying they were going to have a family gathering. No one has complained about the prices as they miss eating the fruit," he said.



**Prized fruit:** Hock Beng showing the Musang King durian at his stall along Macalister Road in Penang. — CHAN BOON KAI/The Star

Along Anson Road, Ang Hock Leng, 58, who has been running his family stall for over 43 years, said prices have already started going down.

"When the season began, the 604 (a type of durian) was priced at RM40 per kg, but now it is priced at RM25 per kg.

"The Red Prawn was priced at RM45 per kg and is now RM35 per kg.

"The durian season will peak in June, which means there will be a lot of the fruit. Some prices may not fall by much but they will still become cheaper next month," he said.

Hock Leng said his family has their own farm supplying durians, adding that they do not need to outsource supply.

"We have regular customers, even from other countries like Indonesia and Singapore."

Among those enjoying durians at the stall with her friends was insurance agent Denise Woon, 39, who had travelled to Penang from Kuala Lumpur for a short holiday.

"The durians are pricey but the fruits are meaty and filling.

"We like durians and the fruits here are sweeter than what we get back home," she said.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 20/5/2022 | THE STAR | NATION | 2 |

# Supplier: Chickens too light to be sold

**PUTRAJAYA:** The move by a poultry producer to stop supplying chickens over the weekend will not affect supply as it is a temporary measure to deal with the birds' weight issue, or the lack of it, says the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry.

Minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi said the poultry producer had written a letter to the ministry to explain the move.

"The company said this was not to undermine the industry. They do not have bad intentions in doing this.

"The decision will not affect supply as it is only for two days," he said after launching a special logo to identify subsidised and controlled goods yesterday.

Nanta said the poultry producer explained it could not supply chickens to the market because the birds were small and weighed only 1.1kg.

"Usually, the chicken will be sold when it reaches 1.8kg in weight after a certain number of days.

"Because of the weight, the company does not want to supply the chicken, fearing complaints by consumers. They also want to protect their good name in the market," he added.

Asked if the chickens were experiencing a slow growth, the producer informed the ministry that the quality of chicken feed could have affected their growth.

According to a news report, a cartel is allegedly planning to close poultry farms this weekend as a sign of protest to the government for its alleged late payment of 60 sen per chicken subsidy.

On complaints that certain poultry retailers were imposing additional charges should customers require their chickens cut, Nanta said the matter would be looked into.

He said the charges were not part of controlled price management but urged sellers to be reasonable.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/5/2022 | NST | NATION/NEWS | 4 |



NO EVIDENCE OF CARTEL

# NANTA: FARM'S CLOSURE WON'T CAUSE CHICKEN SHORTAGE



*A chicken stall at a market in Putrajaya yesterday.* BERNAMA PIC

## Company claimed its birds underweight for market, says minister

DAWN CHAN
AND TENGKU ZARIAH SOFIA
**PUTRAJAYA**
news@nst.com.my

THE supply of chicken in the country will not be disrupted despite the impending two-day closure of a chicken farm in Jasin, Melaka, this weekend.

Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi said the company that ran the chicken farm had explained the matter to the ministry in a letter.

"Their explanation does not appear to indicate there is a cartel behind it with the intention to profiteer.

"They have also made it clear that their closure was not to undermine the government, the industry, or done with bad intentions.

"The company wanted to temporarily close the chicken farm because there was delayed growth of its chickens, which was recorded at 1.1kg per chicken instead of the average selling weight of 1.8kg.

"As the weight of the chickens has not reached the standard of 1.8kg and are too small to be sold to the consumer market, they want to refrain from selling it as it would pose a problem.

"This move is also to protect the company's reputation," he said after launching the controlled and subsidised items logos yesterday.

Nanta said only one company was involved, and it might have had problems with the quality of chicken feed, which led to the delayed growth of its chickens.

He said a special task force from the Malaysia Competition Commission (MyCC) was investigating issues in the chicken industry, under Section 4 of the Competition Act 2020.

"The in-depth probe will take a little more time to complete.

"The results will then be presented to me and the government.

"Hopefully, by July, there will be a conclusion which will also recommend measures to overcome the problems.

"It will also be shared with the public," he said.

He said as the issue of chickens became a hot topic during festival periods, the government, through the National Action Council on Cost of Living, had on Feb 1 this year, ordered MyCC to form the task force.

The Federation of Livestock Farmers Associations of Malaysia had denied allegations that a group of chicken breeders were planning to shut operations to protest against the government's delay in subsiding chicken prices.

Bernama reported the association's adviser, Datuk Jeffrey Ng, as saying such action, if true, was an individual move and breeders had to bear the risks themselves.

Ng had said it was common among any company or poultry producer in the country to close operations according to their needs, adding that the association never advised its members to stop operations unless there were reasons such as lack of employees or due to other company issues.

Nanta said the ministry would deploy enforcement teams to investigate claims of chicken sellers charging extra to cut up whole chicken at wet markets in Johor Baru.

He said the ministry was aware of complaints about sellers charging an extra RM1.10 per kg to break down a bird even though such matters were not part of the ministry's price control scheme.

"If the service charge is justified, we can accept but if it is over RM1 per kilogramme, then that is too high for consumers. If it is for a whole bird, that is acceptable.

"At the same time, we also want to ensure that the price of chicken is not higher than what we had set at RM8.90 per kilogramme.

"We will monitor the situation to ensure no one profiteers. We urge consumers to make smart choices when it comes to such service charges," he said.

The NSTP had reported that although the price of chicken at the Kempas wet market was RM8.90 per kg as set by the government, there was an accompanying sign stating that RM1.10 per kg would be charged to cut up the bird.

This had caught consumers by surprise.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/5/2022 | SINAR HARIAN | SUARA SINAR | 16 |

## Hapuskan era monopoli, manipulasi harga

**KEPUTUSAN** kerajaan memansuhkan permit import (AP) bagi membawa masuk bahan makanan berkuat kuasa serta merta dalam mesyuarat kabinet yang dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob pada Rabu dilihat sebagai langkah berani kerajaan untuk memastikan bekalan makanan negara mencukupi.

Dengan pemansuhan tersebut, sesiapa sahaja yang berkelayakan boleh mengimport makanan ke negara ini. Apabila banyak pilihan, maka mereka akan bersaing sesama sendiri.

Persaingan yang kompetitif, sihat dan adil itu akan menguntungkan rakyat, khususnya dalam tawaran harga yang lebih rendah.

Ia secara tidak langsung membantu mewujudkan pasaran yang lebih terbuka dan bebas, sekali gus dapat meningkatkan kecekapan ekonomi negara.

Sekurang-kurangnya era monopoli yang menguntungkan segelintir pihak dan isu manipulasi harga dapat dihapuskan.

Sebelum ini ada sahaja alasan diberikan oleh mereka yang menguasai pasaran – cuaca tidak menentu, permintaan terlalu tinggi, mata wang jatuh dan banyak lagi, sedangkan hakikat sebenar kesan terhadap peningkatan harga barang dan perkhidmatan tidaklah begitu ketara.

Bagaimanapun, keputusan pemansuhan AP perlulah seiring dengan langkah-langkah bagi jangka masa panjang.

Pihak kerajaan dan agensi-agensi berkaitan perlu memikirkan usaha yang lebih konkrit bagi mengurangkan kebergantungan negara terhadap import makanan.

Misalnya, mentransformasikan pertanian di Malaysia secara besar-besaran. Tanah-tanah yang banyak terbiar harus dimanfaatkan sepenuhnya. Galak anak-anak muda menceburi bidang pertanian dan berikan pelbagai inisiatif serta insentif yang menarik.

Budaya 'orang tengah' dalam sektor pertanian dan rantaian makanan juga mesti dihapuskan bagi mengawal kos sara hidup yang meningkat.

Isu keselamatan makanan adalah kebimbangan utama di seluruh dunia termasuklah Malaysia. Justeru, menjadi tanggungjawab kerajaan bagi memastikan bahan makanan asas sentiasa mencukupi, tidak terjejas dan harganya 'mampu milik' untuk dinikmati oleh semua lapisan masyarakat.

# Manfaatkan tanah-tanah terbiar



ANALISIS MUKA 16

NURHIDAYAH HAIROM

Penghapusan permit import (AP) dilihat mampu memberi kelegaan ketika negara tidak terkecuali berdepan krisis bekalan makanan.

Pakar-pakar ekonomi juga dilihat senada dalam menyokong langkah drastik itu sebagai kaedah melaksanakan 'lambakan pasaran' dengan menawarkan harga lebih murah demi melawan harga yang tidak munasabah.

Bagaimanapun, penghapusan AP tentunya bukan penyelesaian kepada isu sekuriti makanan di Malaysia.

Kebergantungan negara terhadap bekalan import masih dianggap sebagai satu ancaman besar dan ia bukan perkara baharu.

Lebih RM50 bilion dibelanjakan untuk mengimport bahan makanan setiap tahun. Ia bukan satu angka yang kecil.

Justeru, keutamaan tentunya perlu diberikan kepada aspek pengeluaran makanan asasi, tidak kira sama ada melibatkan sektor penternakan mahupun pertanian bagi mengelak kebergantungan negara terhadap bekalan import yang semakin bertambah dan berpanjangan.

Rasanya sudah 'berbuih mulut' saranan yang dilontarkan pakar-pakar akademik dan pihak-pihak berkepentingan untuk melihat Malaysia mampu menjadi juara dalam penghasilan sumber makanan di negara sendiri.

*Rasanya sudah 'berbuih mulut' saranan yang dilontarkan pakar-pakar akademik, dan pihak-pihak berkepentingan untuk melihat Malaysia mampu menjadi juara dalam penghasilan sumber makanan di negara sendiri."*

Bukannya tiada langsung perkembangan yang diharapkan, namun pertumbuhannya mungkin tidak begitu ketara menyebabkan negara masih tetap perlu bergantung kepada sumber import.

Penulis akui, kerajaan prihatin dalam memastikan peruntukan bajet tahunan bagi Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) ditingkatkan setiap tahun dan Bajet 2022 juga menyaksikan Dewan Rakyat meluluskan peruntukan sebanyak RM3.2 bilion.

Namun, dana semata-mata tidak mampu menyelesaikan isu pokok jika tidak dimanfaatkan dengan lebih terancang bagi memastikan produktiviti para petani dan penternak dapat dimaksimumkan.

Tidak pasti di mana silapnya, sektor sumber makanan negara seolah-olah belum mencapai tahap 'wow' di mata masyarakat, apatah lagi dalam usaha menggalakkan penglibatan golongan muda menceburi bidang-bidang berkaitan.

Sebelum ini, MAFI menyatakan keghairahan menukar status tanah untuk projek pembangunan hartanah yang dilihat lebih menguntungkan turut menyebabkan penawaran hasil dalam negara tidak dapat menampung permintaan tinggi penduduk dan industri berasaskan makanan.

Kebergantungan import makanan yang tinggi itu turut dikaitkan dengan isu pembangunan tanah pertanian yang tertakluk di bawah pihak berkuasa kerajaan negeri.

Bagaimanapun, Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Aminuddin Harun menyangkal perkara itu dan menegaskan bahawa masih banyak tanah pertanian yang disediakan kerajaan negeri bagi tujuan aktiviti pertanian terbiar dan tidak diusahakan sepenuhnya.

Turut dipertikaikan adalah peranan yang sepatutnya dilakukan oleh agensi-agensi di bawah MAFI yang secara tidak langsung mewujudkan keadaan saling menuding jari antara pihak pemerintah.

Situasi tersebut jelas tidak mendatangkan sebarang keuntungan kepada semua pihak. Entah sampai bila isu itu akan terus dibahaskan.

Adakah kita mahu melihat tanah-tanah yang ada terus terbiar atau sekadar menjadi tapak binaan?

Nampaknya rakyat sendiri yang perlu ada kesedaran untuk usahakan tanah walaupun sekangkang kera.

Bagi yang menghuni kediaman tinggi, tanam sahajalah sayur-sayuran dengan cara yang difikirkan sesuai di beranda sendiri.

Penulis sebenarnya bimbang jika sampai satu tahap, negara-negara lain menghalang eksport sumber makanan mereka secara berperingkat ketika sumber makanan negara kita masih lagi berada pada tahap sekarang.

** Nurhidayah Hairom ialah wartawan Sinar Harian*

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/5/2022 | UTUSAN MALAYSOA | KOMUNITI KITA | 33 |



# PPK Kuala Langat bantu mangsa kebakaran

**PRIHATIN** dengan nasib yang menimpa ahli Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kuala Langat, Pengerusinya, Dr. Abdul Razak Khasbullah menyantuni Daron Sidek, 80, yang ditimpa ujian rumahnya terbakar baru-baru ini di Kampung Sijangkang, Teluk Panglima Garang, Banting.

Menurut Abdul Razak, kebakaran terjadi semasa mangsa dan keluarga berada di luar atas urusan peribadi.

Pihaknya bersimpati dengan nasib yang menimpa Daron dan sumbangan berupa kelengkapan rumah dihulurkan.

■ ABDUL Razak Khasbullah berbual dengan Daron Sidek ketika bertandang ke rumahnya yang terbakar baru-baru ini di Kampung Sijangkang, Teluk Panglima Garang di Kuala Langat, Selangor. - UTUSAN/ABDUL RAZAK IDRIS